



klik@PKOMP

Edisi 4

Dimensi Dunia IT Anda

➔ *Penambahbaikan*
MODUL CUTI REHAT

8 FOKUS
UTAMA

➔ ITIL V3

➔ URIS : MODUL SHORT TERM
RESEARCH GRANT APPLICATION

➔ DATA BACKUP

➔ SISTEM PENDAFTARAN &
AKREDITASI SUKUM36

Lawatan Kerja Ke

➔ CISCO CUSTOMER CENTRE &
NATIONAL UNIVERSITY OF SINGAPORE

➔ 3 MODUL BARU SMKB

➔ QPR PELAKSANAAN BALANCED
SCORECARD BERKESAN

Kerjasama
UTeM & TM

Anugerah STAF
CEMERLANG

JOOMLA

JUZ TERBUKUT

Rescovery Card

T
58.5
.K54
2012
a
v4

COMPUTER
uara Berganda



TINTA ketua editor

Bertemu lagi untuk Edisi Ke-4 Klik@PKOMP. Sejak awal tahun lagi hingga hujung tahun atas meja penuh dengan helaian surat dan dokumen. Kadang-kadang pening juga bila pejabat sunyi sepi. Ada yang berkursus, mesyuarat, latihan dan pelbagai urusan rasmi pejabat dan pengurusan. Tak lupa juga kepada kesibukan para atlet PK tak henti-henti dengan acara sukan tahunan. Tapi itulah realitinya di mana-mana pejabat. Yang penting, segala tuntutan kerja beres dalam masa yang ditetapkan.

Sepanjang tahun banyak penambahbaikan dibuat demi memenuhi permintaan pengguna. Skop fungsi SMKB dan SMSM semakin berat dan besar. Semakin banyak proses-proses yang perlu diperkemas dan diperincikan.

Success Story tahun ini membongkar lebih jelas penggunaan aplikasi e-Calendar dari Microsoft Outlook Live yang mempunyai multi fungsi yang telah diguna pakai oleh FKE.

Menarik perhatian pembaca kali ini fokus mengetengahkan modul-modul baru diperkenalkan dalam SMKB, URIS dan SMSM. Pelaksanaan Balance scorecard menggunakan perisian QPR yang lebih jelas dan terperinci. Banyak informasi diperolehi hasil dari lawatan kerja ke NUS dan CISCO Singapura dari segi kepakaran serta penggunaan teknologi komunikasi termaju di sana. Ruang PC Anda membicarakan topik MSDNAAA, JOOMLA, Perisian Dewan Eja dan Just Reboot. Pelbagai aktiviti menarik sempat dimuatkan untuk edisi kali ini.

Sidang Redaksi

Penaung

En. Mohd Isa bin Mohd Dom

Ketua Editor

Cik Aida binti Salleh

Editor

En. Samsul bin Samdin
Pn. Norhazlena binti Sabtu
Pn. Mimi Rahayu binti Hamdin
En. Zainudin bin Salleh
En. Hazril bin Abdul Wahab
Pn. Hayani binti Abu Yamin

Pengarang

Pn. Syamimah binti Mohamad Hata
Pn. Raihana binti Md Kasim
Pn. Rafidah binti Kasim
En. Mohd Radzif bin Abd Hamid
En. Hisamudin bin Kamarudin
En. Mohamed Suhaimi bin Abdullah
En. Jamal Abd. Nasir bin Abd. Wahab
Pn. Noorazlina binti Yusop

Grafik & Rekaletak

Cik Azilina binti Md Buang

Jurugambar

En. Mohd Fairuz bin Taib
En. Hairul bin Anwar
En. Mohd Azmi bin Suratman

Pembaca Pruf

Pn. Nuraisah binti Abdul Wahab

Pengedaran

Pn. Siti Hajar binti Yaakop
En. Jalaludin bin Mohd Diah

Selamat membaca...

Aida Binti Salleh

KANDUNGAN

— EKSKLUSIF

- Success Story : Temu bual bersama En. Zamani Bin Md. Sani, Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) **4**
- e-Calendar: Kecekapan Dalam Tadbir Urus FKE**

— FOKUS

- Penambahbaikan Modul Cuti Rehat - Sokongan Dan Kelulusan Cuti Secara Terus Melalui Emel Dan Paparan Arkib Data Cuti **7**
- ITIL V3 - Information Technology Infrastructur Library Version 3 **18**
- UTem Research Information System (URIS) - Modul : Short Term Research Grant Application **19**
- Sistem Pendaftaran & Akreditasi SUKUM 36 **20**
- Data Backup **21**
- Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB) Perkenal 3 Lagi Modul Baru **23**
- QPR - Pelaksanaan Balanced Scorecard Berkesan **26**
- Lawatan Kerja Ke Cisco Customer Centre Dan National University Of Singapore - Lihat Aspek Penyediaan ICT i-CAMPUS **29**

— UMUM

- Anugerah Staf Cemerlang Pusat Komputer 2010 **32**
- Perkahwinan & Kelahiran **32**
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2010 **33**

Dari Meja **pengarah**

T58.5 .K54 2012 v4



Assalamualaikum dan salam sejahtera...

Alhamdulillah, edisi ke-4 Klik@PKOMP menemui pembaca di awal 2012. Tanpa disedari masa begitu pantas berlalu. Dalam kesibukan 'semula jadi' ini sempat juga menyelitkan info-info IT untuk hebahan pembaca. Tahniah kepada Sidang Redaksi bertungkus-lumus mengejar *deadline*.

Sesetengah hebahan terpaksa dimuatkan untuk edisi ke-5 disebabkan ruangan yang penuh. Walaupun ditimbuni tugas hakiki, sempat juga membahagikan sedikit ruang untuk mencurahkan idea dalam bentuk penulisan. Sebagai salah satu medium menyampaikan perkembangan semasa jabatan yang merangkumi sistem, rangkaian, aspek pengkomputeran dan K-SCOM, sidang redaksi akan sentiasa meng'update' pembaca dengan bahan-bahan berinformasi di masa dari semasa ke semasa.

Selamat Menyambut tahun 2012...

Mohd Isa Bin Mohd Dom



— PC ANDA

- Apa Itu MSDNAA??? 34
- Apa Itu JOOMLA 36
- Belajar Pantas, Bekerja Pintar Dengan Dewan Eja Pro 37
- Juzt-Reboot - Data Recovery Card 37
- Shortform Keyboard - Part 2 38

— MENARIK SEPANJANG TAHUN

- Majlis Pembentangan Pelaksanaan Dan Soft Launch CCT On IP 38
- Kerjasama UTeM - TM Naiktaraf Sistem Komunikasi Antara Kampus Melalui Metro-E 39
- PINTAR - Misi Dan Visi UTeM Jelas 40
- PK Sokong Kempen UTeM Bebas Asap Rokok 41
- Pelajar SMK Durian Tunggal Ikuti Kursus Adobe Photoshop PERCUMA 41
- PK Sapu Bersih Gelanggang Olahraga 42
- Juara Berganda Buat Pusat Komputer - Olahragawan, Olahragawati Layak 43
- Hujan Tidak Halang Kemeriahan Hari Keluarga 44
- Tengok Wayang Dengan Bos - Hikayat Merong Mahawangsa 46
- News@PKOMP 47



39



40



42

- Success Story - e- Calendar: Kecekapan Dalam Tadbir Urus FKE

Siri kedua memaparkan penggunaan sistem penjadualan Microsoft Outlook (e-Calendar) yang digunakan untuk urusan tempahan ruang dan panggilan mesyuarat atau latihan di Fakulti Kejuruteraan Elektrik.

Ikuti temubual antara En Khalid Bin Pandi @ Selamat bersama En. Zamani Bin Md. Sani, pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Elektrik yang telah mendalami teknologi ICT dalam meningkatkan kecekapan dan penjimatan kos pihak Universiti secara amnya.

Apakah jenis kemudahan yang digunakan?

Kemudahan yang digunakan di seluruh FKE adalah sistem panggilan mesyuarat dan penempahan ruang yang menggunakan kaedah e-Calendar yang terdapat pada Microsoft Outlook Live. Ianya diseragamkan dengan Microsoft Office Outlook.

Berapa lamakah tempoh penggunaan kemudahan ini?

Kemudahan ini telah digunapakai secara menyeluruh di FKE bermula pertengahan 2010 setelah emel UTeM secara rasminya ditukar menggunakan Microsoft Outlook Live pada akhir 2009.

Bagaimanakah teretusnya idea untuk menggunakan teknologi ini secara menyeluruh?

Pengalaman bekerja di industri banyak membantu saya meningkatkan kecekapan pengurusan di pejabat. Semasa bekerja di sana, segala urusan penempahan ruang dan panggilan mesyuarat menggunakan sistem e-Calendar yang terdapat pada Microsoft Outlook. Apabila saya memperkenalkannya di fakulti, Dekan dan staf-staf lain memberi respons yang positif terhadap penggunaan kemudahan ini.

Saya juga menyedari masalah yang dialami oleh pensyarah kerana dengan jadual P&P yang padat, ada kalanya mereka akan terlepas dan terlupa mesyuarat atau latihan yang perlu dihadiri kerana perlu menyemak surat-surat panggilan mesyuarat atau latihan yang diletakkan di pigeon hole.

Dengan menggunakan e-Calendar, segala kelemahan ini dapat diatasi lebih-lebih lagi apabila e-Calendar ini diselarikan penggunaannya dengan jadual di dalam

telefon pintar/komputer tablet yang telah digunakan secara meluas di kalangan staf. Teknologi ini memudahkan setiap staf mendapat segala informasi secara cepat dan tepat.

Keberkesanan sistem ini dalam menyelesaikan kerja-kerja harian?

Setelah setahun lebih menggunakan e-Calendar, apa yang dapat dilihat ialah perubahan kecekapan pengurusan penempahan ruang dan panggilan mesyuarat terutama bagi jabatan yang mempunyai banyak bilik gunasama dan staf yang ramai. Setiap makmal, bilik mesyuarat, bilik bincang, bengkel dan semua ruang yang ada di FKE telah didaftarkan di dalam Microsoft Outlook Live.

Oleh itu, penempahan ruang yang dilakukan dengan mudah oleh sesiapa sahaja tanpa perlu menghubungi individu yang menjaga ruang tersebut. Pertindihan tempahan juga dapat dielakkan. Ianya juga boleh dilakukan di mana-mana saja tanpa mengira waktu kerana setiap jadual bilik boleh diakses di mana-mana selagi mempunyai capaian Internet walaupun berada di luar pejabat.


Selain daripada itu, selaras dengan usaha penjimatan Universiti, FKE telah dapat menjimatkan penggunaan kertas, kos cetakan terhadap kertas dan penggunaan sumber manusia. Segala urusan panggilan/pembatalan mesyuarat hanya dilakukan menggunakan e-Calendar. Tiada lagiedaran surat perubahan jika mesyuarat ditangguh atau dibatalkan kerana informasi akan terus dihantar melalui emel secara automatik apabila maklumat terkini dimasukkan ke dalam e-Calendar dan dihantar kepada penerima.



“e-Calendar ini diselarikan penggunaannya dengan jadual di dalam telefon pintar/komputer tablet yang telah digunakan secara meluas di kalangan staf. Teknologi ini memudahkan setiap staf mendapat segala informasi secara cepat dan tepat.”




Panggilan Mesyuarat yang dipanggil secara elektronik berserta tempahan ruang secara serentak



Jadual Ruang yang boleh dicapai melalui web

Jadual di bawah merupakan statistik yang menunjukkan penjimatan kertas sejumlah hampir 21% di FKE sehingga pertengahan tahun 2011 berbanding tahun 2010 apabila e-Calendar dilaksanakan. Setakat ini, FKE tidak lagi menghadapi masalah kekurangan kertas kerana semua panggilan mesyuarat didalam menggunakan e-Calendar sepenuhnya.

Data mesin pencetak juga telah menunjukkan perubahan yang memberangsangkan di mana FKE secara keseluruhan telah melakukan penjimatan sebanyak RM3,610 untuk 6 bulan pertama 2011.



Statistik Penjimatan Kertas di FKE



Statistik Kos Pembayaran Penggunaan Mesin Pencetak

Apakah cabaran yang dihadapi untuk tuan mengimplementasikan penggunaan sistem penjadualan ini kepada seluruh warga FKE?

Cabaran memang ada pada peringkat permulaan, segala urusan yang dijalankan secara manual, perlu dilakukan menggunakan teknologi ICT yang kadang-kadang menimbulkan kesukaran untuk memahaminya pada peringkat awal. Tiga bulan pertama merupakan saat-saat yang dirasakan amat sukar terutamanya untuk melatih staf pentadbiran kerana kerja-kerja ini sememangnya banyak melibatkan urusan di bahagian pentadbiran, lama-kelamaan hampir 90% staf telah menguasai kemahiran dalam menggunakan e-Calendar ini.



Apakah harapan tuan berkenaan teknologi ini?

Harapan saya agar penggunaan e-Calendar ini diaplikasikan secara menyeluruh di UTeM.

Microsoft Outlook Live yang UTeM gunakan merupakan platform terbaik untuk diaplikasikan dalam mengatur jadual harian. Segalanya sudah disediakan secara percuma, mengapa tidak kita bersama-sama memanfaatkannya sumber yang ada sebaiknya untuk kebaikan dan kemudahan bersama.

Apakah saranan atau pandangan kepada lain-lain pengguna?

Setiap PTj (staf) perlu menggunakan perkhidmatan ini kerana ia sangat mudah dan cepat sekaligus membantu UTeM melakukan penjimatan kertas (paperless) dan seterusnya menjimatkan kos pembelian kertas jika semua PTj menggunakan aplikasi ini.

Pandangan tentang kemudahan infrastruktur atau infostruktur ICT di UTeM?

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Pusat Komputer kerana pada saya, semua perkhidmatan yang disediakan untuk semua staf adalah pada keadaan yang sangat baik. Saya faham ada kalanya terdapat rungutan berkenaan sistem rangkaian yang tidak stabil. Namun pada pendapat saya, itu adalah perkara biasa kerana bukan kita sahaja yang menggunakannya, pengguna lain turut menggunakan kemudahan ini dalam masa yang sama untuk keperluan dan tujuan yang berbeza. Setiap hari bilangan pengguna juga semakin bertambah.

Berkenaan sistem pula, ada yang boleh ditambahbaik lagi selaras dengan kehendak pengguna. Apa yang perlu ditekankan adalah kepuasan pengguna. Antara yang mungkin mendapat perhatian saya buat masa ini ialah pada SMK. Ini hanyalah pandangan sahaja, mengapa perlu slip gaji dicetak dan dihantar kepada semua staf, kerana penyata gaji kini boleh disemak melalui SMK.

Semasa saya di Industri, keadaan yang sama berlaku, semua staf tidak diberikan slip gaji sebaliknya mereka boleh mencetak sendiri penyata secara atas talian jika memerlukannya. Penyata bagi bulan-bulan sebelumnya juga masih direkodkan dalam sistem, jadi tidak perlu mendapatkannya dari Bahagian Sumber Manusia jika penyata asal telah hilang.

Penjimatan bulanan sudah tentu sangat banyak sekiranya tiada lagi penyata gaji dihantar kepada staf. Mungkin untuk membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul bukan merupakan perkara yang mudah, tetapi jika kita tidak mencubanya, ianya tidak akan mendatangkan apa-apa perubahan untuk semua.

Berikut merupakan pandangan daripada beberapa orang staf pentadbiran di FKE yang telah mahir menggunakan sistem e-Calendar ini.

“TUGAS saya sebagai seorang SETIAUSAHA menjadi lebih mudah dan tempahan masa untuk Dekan tidak lagi berlaku pertindihan kerana saya boleh memantau jadual pergerakan bos melalui perkongsian e-Calendar walaupun tempahan dibuat bukan melalui saya. Selain itu, dalam masa yang sama semua staf di FKE akan menjadi celik IT.”



KAMISAH JALIL
- Setiausaha Pejabat



SITI AISHAH MAT ZAIN
Pem. Tadbir (P/O)
Kanan

“Sangat memudahkan urusan tempahan ruang di FKE. Tiada lagi kebergantungan terhadap buku log dan staf yang dipertanggungjawabkan. Tiada lagi berlakunya pertindihan terhadap tempahan ruang seperti yang dilakukan secara manual dahulu. Tugas saya menjadi lebih mudah. Secara tidak langsung semua staf menjadikan celik IT.”

“Dapat menjimatkan masa, kertas dan juga kos fotostat disamping kerja seharian terutamanya yang melibatkan tempahan ruang menjadi teratur dengan menggunakan e-Calendar ini. Segala proses dilakukan secara atas talian. Semuanya hanya di hujung jari sahaja.”



SUHANA BINTI ARIFFIN
- Pembantu Tadbir P/O

“Microsoft Outlook Live yang UTeM gunakan merupakan platform terbaik untuk diaplikasikan dalam mengatur jadual harian. Segalanya sudah disediakan secara percuma, mengapa tidak kita bersama-sama memanfaatkannya sumber yang ada sebaiknya untuk kebaikan dan kemudahan bersama.”



ABU ZAR BIN YASHIM
- Pembantu Am Pejabat

“Tugas saya menjadi mudah dan cepat, tidak perlu membuat edaran surat kepada staf hanya melalui emel sahaja, dapat menjimatkan masa dan kertas kerana tidak perlu membuat fotostat secara tidak langsung menjadikan saya mahir dalam penggunaan teknologi maklumat ini.”

“Secara peribadi, penggunaan e-Calendar amat memudahkan urusan kerja saya terutama dalam menguruskan jadual pergerakan TDA dan TDP. Selain itu, ia juga dapat menjimatkan masa, tenaga dan kos sesebuah PTj tersebut.”



NIK NUR AISHAH BINTI
NIK YAHAYA
- Setiausaha Pejabat

PENAMBAHBAIKAN MODUL CUTI REHAT SOKONGAN DAN KELULUSAN CUTI SECARA TERUS MELALUI EMEL DAN PAPARAN ARKIB DATA CUTI

Oleh: shamimah@utem.edu.my

Bagi penambahbaikan proses sokongan dan kelulusan cuti rehat secara terus melalui emel, penyokong dan pelulus diberi pilihan samada untuk membuat sokongan dan kelulusan secara terus melalui emel atau membuat sokongan dan kelulusan di portal seperti yang dilakukan sebelum ini. Ianya bertujuan untuk memudah proses sokongan dan kelulusan cuti dimana penyokong dan pelulus tidak perlu log-in ke dalam portal untuk menyokong atau melulus cuti rehat staf.


1.0 PENYOKONG CUTI

Fungsi : Sub-modul ini memberikan fungsi dan kemudahan menyokong kepada permohonan cuti yang telah dimohon oleh staf kepada pegawai yang dilantik sebagai penyokong cuti. Pegawai yang telah dilantik perlulah didaftarkan sebagai penyokong untuk membolehkan ia mendapatkan skrin penyokong ini. Sekiranya staf yang didaftarkan berada di bawah tanggungjawab sokongan beliau, permohonan cuti staf tersebut akan dipaparkan pada skrin ini.

Notis pemberitahuan cuti boleh dilakukan dengan dua cara iaitu dengan cara membuka portal <http://portal.UTeM.edu.my/smpportal/clmin/default.htm> atau dengan cara menyokong atau tidak menyokong secara terus melalui emel yang diterima.

A. Sekiranya melalui Portal

1. Klik 'Penyokong Cuti', skrin berikut akan dipaparkan:




Skrin 1.0 : Skrin Penyokong Cuti

Langkah-langkah Untuk Penyokong Cuti

- i. Klik pada 'No Staf', 'permohonan cuti terdahulu telah diluluskan' akan dipaparkan seperti skrin berikut:-



- ii. Senarai Permohonan Cuti akan dipaparkan dan double click pada senarai yang dipaparkan untuk menyokong cuti. Maklumat permohonan cuti akan dipaparkan seperti berikut :-



- iii. Pilih sama ada cuti tersebut disokong atau tidak disokong atau lakukan pembetulan permohonan cuti.
- iv. Masukkan '**Sebab**' cuti disokong.
- v. Tekan butang '**Simpan**' selepas semua maklumat dimasukkan.
- vi. Emel pemberitahuan akan dihantar terus kepada Pegawai yang meluluskan cuti.


B. Sekiranya Sokongan dibuat melalui Emel Secara Terus

Pegawai Penyokong cuti akan menerima emel seperti berikut :-



Langkah-langkah Sekiranya Permohonan Cuti Disokong


- i. Klik **'SOKONG'** untuk menyokong secara terus tanpa melalui portal, skrin berikut akan dipaparkan:-



- ii. Tekan butang **'Close'**, skrin berikut akan dipaparkan.



- iii. Tekan butang **'Yes'** skrin berikut akan dipaparkan.




- iv. Tekan butang **'Close'**, skrin berikut akan dipaparkan.



- v. Tekan butang **'Yes'** skrin berikut akan dipaparkan.


- vi. Secara automatik pemohon cuti akan menerima emel seperti berikut :-




Langkah-langkah Sekiranya Permohonan Cuti Tidak Disokong

Pegawai Penyokong cuti akan menerima emel seperti skrin berikut :-


- i. Klik **'TIDAK SOKONG'** untuk tidak menyokong secara terus skrin berikut akan dipaparkan:-



- ii. Masukkan catatan **'Sebab Tidak Sokong Cuti'**.
- iii. Tekan butang **'Simpan'**, skrin berikut akan dipaparkan :-




- iv. Klik **'OK'**, skrin berikut dipaparkan :-



- v. Klik **'Yes'**, skrin akan kembali ke skrin sebelumnya.

vi. Secara automatik pemohon cuti akan menerima emel 'TIDAK DISOKONG' seperti skrin berikut :-




2.0 KELULUSAN CUTI

Fungsi : Sub-modul ini memberikan fungsi dan kemudahan kepada permohonan cuti yang telah disokong kepada pegawai yang dilantik sebagai pelulus cuti. Pegawai yang telah dilantik perlulah didaftarkan sebagai pelulus untuk membolehkan ia mendapatkan skrin pelulus cuti ini. Sekiranya staf yang didaftarkan berada di bawah tanggungjawab kelulusan beliau, permohonan cuti staf tersebut akan dipaparkan pada skrin ini.

Notis pemberitahuan cuti boleh dilakukan dengan 2 cara iaitu dengan cara membuka portal <http://portal.UTeM.edu.my/smpportal/clmin/default.htm> atau dengan cara meluluskan atau tidak meluluskan cuti secara terus melalui emel yang diterima.

A. Sekiranya melalui Portal

1. Klik pada 'Kelulusan Cuti', skrin berikut akan dipaparkan.



Skrin 2.0 : Skrin Penyokong Cuti


Langkah-langkah Untuk Meluluskan Cuti

- i. Senarai cuti yang telah disokong akan dipaparkan dan *double click* pada senarai yang dipaparkan untuk menyokong cuti. Maklumat permohonan cuti akan dipaparkan.

- ii. Pilih sama ada cuti tersebut diluluskan atau tidak diluluskan atau lakukan pembetulan permohonan cuti.
- iii. Masukkan 'Sebab Tidak Lulus/Pembetulan' cuti dimohon.
- iv. Tekan butang '**Simpan**' selepas semua maklumat dimasukkan.
- v. Emel pemberitahuan mengenai kelulusan cuti akan dihantar kepada staf yang membuat permohonan.

Sekiranya Kelulusan dibuat melalui Emel Secara Terus

- i. Pegawai Pelulus akan menerima emel seperti berikut :-



Langkah-langkah sekiranya Permohonan Cuti Diluluskan

- ii. Tekan butang '**LULUS**' untuk meluluskan cuti, skrin berikut akan dipaparkan :-




- iii. Tekan butang '**Close**', skrin berikut akan dipaparkan:-




- iv. Tekan butang '**Yes**', akan kembali kepada skrin sebelumnya.

v. Emel pemberitahuan akan dihantar terus kepada Pemohon cuti seperti berikut:




Langkah-langkah sekiranya Permohonan Cuti Tidak Diluluskan

Pegawai Pelulus akan menerima emel seperti berikut :-



i. Tekan butang ‘**TIDAK LULUS**’ untuk tidak meluluskan cuti, skrin berikut akan dipaparkan :-




ii. Masukkan catatan ‘**Sebab Tidak Lulus Cuti**’.

iii. Tekan butang ‘**Simpan**’, skrin berikut akan dipaparkan :-



- iv. Klik 'OK'.
- v. Emel pemberitahuan mengenai kelulusan cuti akan dihantar kepada staf yang membuat permohonan seperti skrin berikut :-




Bagi penambahbaikan paparan arkib data cuti di portal UTeM, setiap staf akan diberikan “Skrin Paparan Cuti Individu” di dalam Modul Cuti di portal masing-masing. Ianya bertujuan untuk memaparkan maklumat arkib/sejarah cuti bagi setiap staf sepanjang tempoh perkhidmatan. Manakala Pentadbir Cuti di setiap Pusat Tanggungjawab akan diberikan “Skrin Paparan Cuti Pentadbir”. Ianya bertujuan untuk membolehkan Pentadbir Cuti melihat arkib data cuti staf di PTJ berkenaan untuk tujuan pentadbiran sub-modul ini membenarkan pengguna untuk mencetak maklumat sejarah cuti mengikut pilihan yang dikehendaki.

3.0 PAPARAN CUTI INDIVIDU

Fungsi : Sub-modul ini bertujuan untuk memaparkan sejarah rekod cuti bagi setiap individu mengikut tahun atau cuti keseluruhan. Laporan sejarah cuti ini juga boleh dicetak mengikut keperluan.


Klik ‘Papar Cuti Individu’, skrin berikut akan dipaparkan:




Skrin 3.0 : Skrin Paparan Cuti Individu

Langkah-langkah Untuk Memaparkan Cuti Individu.

i. Pilih 'Arkib' skrin berikut akan dipaparkan:



ii. Pilih daripada senarai, skrin berikut akan dipaparkan:




iii. Tekan butang 'Cetak' untuk mencetak maklumat cuti yang telah dipilih.

4.0 PAPARAN CUTI PENTADBIR

Fungsi : Sub-modul ini bertujuan untuk membuat pilihan memaparkan sejarah rekod cuti mengikut pejabat, staf dan tahun. Seterusnya boleh mencetak mengikut pilihan yang ada di dalam arkib cuti.


Klik “Paparasi Cuti Pentadbir”, skrin berikut akan dipaparkan:



Skrin 4.0 : Skrin Paparasi Cuti Individu

Langkah-langkah Untuk Memaparkan Cuti Pentadbir

i. Pilih ‘Pejabat’ skrin berikut akan dipaparkan :-



- ii. Pilih 'Nama' staf.
- iii. Pilih 'Tahun'.
- iv. Maklumat Cuti akan dipaparkan.

PEJABAT : PUSAT KOMPUTER
NAMA : NAZIRA BINTI MUSTAFA
TAHUN : RESELEKSI

NAMA : NAZIRA BINTI MUSTAFA
NO STAF : 08991
PEJABAT : PUSAT KOMPUTER
TARAF KHIDMAT : TETAP

TAHUN : 2008
 Jumlah Cuti Tahunan : 25
 Bil. Cuti telah Diambil : (-) 25
 Baki Cuti Semasa : 0

TAHUN : 2009
 Jumlah Cuti Tahunan : 25
 Bil. Cuti telah Diambil : (-) 22
 Baki Cuti Semasa : 3

TAHUN : 2010
 Jumlah Cuti Tahunan : 25
 Bil. Cuti telah Diambil : (-) 28
 Baki Cuti Semasa : 0

TAHUN	JENIS CUTI	TEMPOH	BIL. HARI	STATUS CUTI
2008	CUTI REHAT	12/02/2008 - 13/02/2008	1	Lulus
2008	CUTI REHAT	24/02/2008 - 03/03/2008	2	Lulus
2008	CUTI REHAT	10/03/2008 - 10/03/2008	1	Lulus
2008	CUTI REHAT	13/01/2008 - 13/01/2008	1	Lulus
2008	CUTI REHAT	27/12/2007 - 28/12/2007	2	Lulus
2008	CUTI REHAT	30/12/2007 - 31/12/2007	2	Lulus
JUMLAH :				(10)

TAHUN	JENIS CUTI	TEMPOH	BIL. HARI	STATUS CUTI
2009	CUTI REHAT	17/03/2009 - 17/03/2009	1	Lulus
2009	CUTI REHAT	18/03/2009 - 18/03/2009	1	Lulus
2009	CUTI REHAT	18/03/2009 - 19/03/2009	1	Lulus
2009	CUTI REHAT	20/03/2009 - 20/03/2009	1	Lulus
2009	CUTI REHAT	24/03/2009 - 24/03/2009	1	Lulus
2009	CUTI REHAT	14/04/2009 - 14/04/2009	1	Lulus
2009	CUTI REHAT	14/05/2009 - 14/05/2009	1	Lulus
2009	CUTI REHAT	15/05/2009 - 15/05/2009	1	Lulus
2009	CUTI REHAT	08/06/2009 - 08/06/2009	1	Lulus
2009	CUTI REHAT	11/04/2009 - 12/04/2009	2	Lulus
2009	CUTI REHAT	23/07/2009 - 23/07/2009	1	Lulus
2009	CUTI REHAT	18/08/2009 - 18/08/2009	1	Lulus
2009	CUTI REHAT	23/09/2009 - 23/09/2009	1	Lulus
2009	CUTI REHAT	18/10/2009 - 18/10/2009	1	Lulus
2009	CUTI REHAT	19/11/2009 - 19/11/2009	1	Lulus
2009	CUTI REHAT	23/12/2009 - 23/12/2009	1	Lulus
2009	CUTI REHAT	07/02/2009 - 07/02/2009	1	Lulus
2009	CUTI REHAT	21/12/2009 - 21/12/2009	1	Lulus
2009	CUTI REHAT	28/12/2009 - 28/12/2009	1	Lulus
JUMLAH :				(21)

TAHUN	JENIS CUTI	TEMPOH	BIL. HARI	STATUS CUTI
2010	CUTI REHAT	04/01/2010 - 04/01/2010	1	Lulus
2010	CUTI REHAT	28/02/2010 - 28/02/2010	1	Lulus
2010	CUTI REHAT	24/03/2010 - 24/03/2010	1	Lulus
2010	CUTI REHAT	05/02/2010 - 05/02/2010	1	Lulus
2010	CUTI REHAT	17/02/2010 - 17/02/2010	1	Lulus
2010	CUTI REHAT	19/03/2010 - 19/03/2010	1	Lulus
2010	CUTI REHAT	18/03/2010 - 19/03/2010	2	Lulus
2010	CUTI REHAT	07/04/2010 - 07/04/2010	1	Lulus
2010	CUTI REHAT	16/04/2010 - 16/04/2010	1	Lulus
2010	CUTI REHAT	24/05/2010 - 24/05/2010	1	Lulus
2010	CUTI REHAT	27/05/2010 - 27/05/2010	1	Lulus
2010	CUTI REHAT	16/06/2010 - 16/06/2010	1	Lulus
2010	CUTI REHAT	12/07/2010 - 12/07/2010	1	Lulus
2010	CUTI REHAT	15/07/2010 - 15/07/2010	1	Lulus
2010	CUTI REHAT	29/07/2010 - 29/07/2010	1	Batal
2010	CUTI REHAT	09/08/2010 - 09/08/2010	1	Lulus
2010	CUTI REHAT	23/08/2010 - 23/08/2010	1	Lulus
2010	CUTI REHAT	13/09/2010 - 13/09/2010	1	Lulus
2010	CUTI REHAT	01/11/2010 - 01/11/2010	1	Lulus
2010	CUTI REHAT	02/11/2010 - 02/11/2010	1	Lulus
2010	CUTI REHAT	30/11/2010 - 30/11/2010	1	Lulus
2010	CUTI REHAT	08/12/2010 - 08/12/2010	1	Lulus
2010	CUTI REHAT	20/12/2010 - 20/12/2010	1	Lulus
2010	CUTI REHAT	03/01/2011 - 03/01/2011	1	Lulus
JUMLAH :				(29)

TAHUN	JENIS CUTI	TEMPOH	BIL. HARI	STATUS CUTI
2011	CUTI REHAT	11/02/2011 - 11/02/2011	1	Lulus
2011	CUTI REHAT	07/03/2011 - 07/03/2011	1	Batal
2011	CUTI REHAT	18/03/2011 - 18/03/2011	1	Lulus
2011	CUTI REHAT	05/04/2011 - 05/04/2011	1	Lulus
2011	CUTI REHAT	14/04/2011 - 14/04/2011	1	Lulus
2011	CUTI REHAT	16/05/2011 - 16/05/2011	1	Lulus
2011	CUTI REHAT	06/06/2011 - 06/06/2011	1	Lulus
2011	CUTI REHAT	11/07/2011 - 11/07/2011	1	Lulus
JUMLAH :				(8)

- v. Tekan butang untuk mencetak maklumat cuti yang telah dipilih. Mesej berikut akan dipaparkan:




- vi. Klik butang 'OK' skrin berikut akan dipaparkan :-

ITIL V3

ITIL V3 atau **Information Technology Infrastructure Library Version 3** merupakan suatu standard antarabangsa dalam penyediaan perkhidmatan ICT yang berkualiti dalam organisasi dimana ianya telah dihasilkan oleh United Kingdom's Office Of Government Commerce (OCG) pada tahun 1980. Oleh yang demikian ITIL telah menyediakan suatu *framework* yang digunakan untuk tadbir urus perkhidmatan ICT yang lebih menitikberatkan kepada *value*, *utility* dan *warranty* kepada pengguna serta telah memperkenalkan *best practices* dalam perkhidmatan ICT.

Konsep ITIL adalah menggunakan **Service Lifecycle** yang sentiasa dinamik ke arah penambahbaikan yang berterusan dalam menyediakan perkhidmatan ICT.



Service Lifecycle Approach

Terdapat 5 pendekatan utama dalam ITIL Service Lifecycle iaitu:-

1. Service Strategy
2. Service Design
3. Service Transition
4. Service Operation
5. Continual Service Improvement

KENAPA ITIL BEGITU POPULAR DI PERINGKAT ANTARABANGSA.

- **Scalability** - ITIL telah diguna pakai oleh lebih 10,000 syarikat korporat yang besar di serata dunia seperti , Microsoft, IBM, HP, Dell, New York University dan lain-lain.
- **Best Practices** - ITIL telah bertapak lama dan telah digunakan oleh banyak organisasi serta mempunyai framework yang matang dan terbukti kesannya.
- **Public Domain** - Ianya percuma dan tidak memerlukan sebarang lesen serta dokumentasi boleh diperolehi dengan mudah untuk menggunakannya.

KURSUS IT INFRASTRUCTURE LIBRARY (ITIL)

Dalam usaha meningkatkan kompetensi dan kecekapan staf, Pusat Komputer telah menghantar 2 orang staf iaitu En Samsul bin Samdin (Timbalan Pengarah Infrastruktur) dan Puan Norhazlena bt Sabtu (Timbalan Pengarah Infostruktur) mengikuti kursus IT Infrastructure Library (ITIL V 3 Foundation) pada 20 – 28 Jun 2011 di Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi (PPKT), USM Pulau Pinang anjuran KPT. Kedua-dua staf tersebut telah lulus peperiksaan ITIL dan memperolehi Sijil ITIL V3 Foundation (ITIL Certified).



Peserta Kursus ITIL V3 Foundation di Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi (PPKT), USM



Peserta Pusat Komputer, UTeM, En. Samsul dan Puan Norhazlena

DEFINISI PERKHIDMATAN DARIPADA PROFESSOR THEODORE LEVITT, HARVARD BUSINESS SCHOOL.

“Services are means of delivering value to customers by facilitating the outcome customers want to achieve without the ownership of specific costs and risks.”

Modul Short Term Grant Application adalah salah satu modul yang terdapat di dalam URIS. Objektif modul ini dibangunkan adalah untuk menggantikan kaedah manual yang digunakan sebelum ini kepada kaedah berkomputer sepenuhnya dari proses permohonan sehingga proses kelulusan.


Modul ini telah mula dibangunkan pada bulan Ogos 2010 dan roadshow bagi penggunaan modul ini telah dibuat pada 24 hingga 27 Januari 2011 di tujuh buah fakulti secara bergilir-gilir. Modul ini telah dilaksanakan sepenuhnya pada 31 Januari 2011.

Dengan terlaksananya modul ini, penyelidik tidak perlu lagi memasukkan maklumat Penyelidikan Jangka Pendek yang telah diluluskan ke dalam sistem, kerana maklumat penyelidikan tersebut akan terus dipindahkan kepada modul-modul lain yang berkaitan.

Permohonan bagi *University Short Term Research Grant* telah dibuka pada 31 Januari 2011. Pada ketika itu terdapat 328 permohonan yang telah dimohon oleh penyelidik dan dari jumlah tersebut hanya 90 permohonan yang telah diluluskan secara atas talian oleh Jawatankuasa Penyelidikan Universiti. Manakala terdapat satu lagi permohonan yang telah dibuka pada 27 Mac 2011 iaitu

permohonan bagi University Top Down Research Grant. Terdapat 18 permohonan pada ketika itu dan hanya 8 permohonan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelidikan Universiti secara atas talian yang diketuai oleh Profesor Dato' Dr. Mohamad Kadim Bin Suaidi.

Berikut merupakan proses kerja (berkomputer) bagi modul Short Term Grant Application:



UTeM RESEARCH INFORMATION SYSTEM (URIS)
Modul : Short Term Research Grant Application

Berikut pula merupakan skrin-skrin yang digunakan untuk proses permohonan.

1 Personal Particulars

Memaparkan maklumat Ketua Penyelidik yang mana datanya diambil dari Sistem Maklumat Staf.

2 List of Researcher's Projects

Memaparkan maklumat penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik dalam tempoh tiga tahun terakhir. Maklumat ini diambil terus dari simpanan data URIS dan tiada kemasukan atau pengemaskinian maklumat boleh dilakukan di skrin ini.

3 Research Details

Memasukkan maklumat asas penyelidikan yang hendak dilakukan. Antaranya ialah Tajuk Penyelidikan, Focus Area, Research Discipline dan lain-lain lagi.

4 New Research Proposal

Memasukkan maklumat proposal penyelidikan secara terperinci. Di skrin ini, sistem membenarkan kemasukan imej yang diperlukan dalam proposal yang terlibat.

5 Access To Equipment

Memasukkan maklumat Access To Equipment (jika ada) sama ada keperluan tersebut berada dalam universiti atau di tempat lain.

6 Budget

Memasukkan jumlah bajet yang diperlukan mengikut vot tertentu. Walau bagaimanapun, jumlah keseluruhan permohonan bajet adalah terhad kepada jumlah syiling yang telah ditentukan oleh jawatankuasa penyelidikan.

7 List Of Co-Researchers

Memasukkan maklumat penyelidik bersama sama ada staf di dalam UTeM atau dari agensi luar. Setelah maklumat ini dimasukkan, penyelidik bersama akan menerima emel berkenaan pelawaan untuk menyertai atau tidak menyertai permohonan penyelidikan yang dibuat. Penyelidik bersama itu juga perlu menjawab pelawaan itu melalui emel yang dihantar oleh sistem.

8 Declaration

Setelah penyelidik berpuas hati dengan maklumat permohonan yang dimasukkan, penyelidik perlu klik pada butang *Submit*. Tiada lagi pembetulan maklumat boleh dilakukan jika status permohonan bertukar dari *Incomplete* kepada *Submitted*.

Sistem ini dibangunkan sepenuhnya oleh Pusat Komputer di bawah Jawatankuasa ICT, Pendaftaran dan Akreditasi Kejujanaan Sukan Staf Universiti Malaysia ke-36 (SUKUM36). Sistem ini dibangunkan bagi mengendalikan kerja-kerja pendaftaran atlet dan pegawai daripada 21 kontinjen yang terlibat semasa kejujanaan berlangsung.

SISTEM PENDAFTARAN DAN AKREDITASI SUKUM 36

Sistem ini dibahagi kepada dua iaitu sistem berasaskan web dan sistem berasaskan *client*. Atlet dan pegawai yang terlibat bagi setiap kontinjen didaftarkan secara atas talian. Seramai lebih kurang 3,300 orang atlet dan pegawai dari semua kontinjen telah didaftarkan melalui sistem.

Selepas urusan pendaftaran dilakukan, pihak Jawatankuasa Sekretariat dan Jawatankuasa Teknikal SUKUM 36 akan melakukan proses akreditasi bagi setiap atlet yang telah didaftarkan. Status akreditasi atlet juga boleh diketahui secara terus oleh setiap kontinjen. Proses akreditasi melibatkan dua fasa iaitu fasa saringan dan fasa cetakan kad akreditasi bagi atlet dan pegawai yang telah LULUS mendaftar. Saringan dilakukan dengan membuat perbandingan terhadap data atlet yang dimasukkan oleh setiap kontinjen dengan salinan dokumen seperti slip gaji dan kad staf yang terlibat.

Oleh: rafidahk@utm.edu.my



Antaramuka Sistem Pendaftaran SUKUM (Web)



Antaramuka Pendaftaran Atlet dan Pegawai



Antaramuka Menu Laporan
A : Senarai Atlet bersama Akreditasi
B : Senarai Acara dan Peserta



C : Senarai Delegasi setiap Kontinjen
D : Senarai Penuh Atlet, Pegawai dan Acara yang disertai

DATA BACK UP

Di dalam dunia teknologi maklumat, data merupakan satu elemen yang terpenting sama ada kepada pengguna perseorangan, organisasi, syarikat, jabatan kerajaan dan sebagainya. Data perlu dipastikan tepat, betul dan berguna untuk kegunaan dalam semua urusan. Keselamatan data juga perlu diberi perhatian supaya data-data yang disimpan bebas dari ancaman-ancaman luar seperti virus, trojan, *hackers* serta bencana seperti gempa bumi, kebakaran dan sebagainya.

Keselamatan data dapat dilaksanakan dengan berbagai kaedah sama ada dari sudut perkakasan atau perisian. **Back up and Recovery** merupakan satu daripada kaedah yang digunakan untuk menjamin keselamatan data. Proses *Back up and Recovery* amat penting dan perlu diberi perhatian yang serius.

Back up ialah proses membuat salinan pada fail-fail, dokumen-dokumen dan pangkalan data, supaya dapat digunakan semula apabila berlaku sesuatu perkara yang menyebabkan kehilangan atau kerosakan kepada fail, dokumen atau data utama. Proses ini merupakan rutin yang perlu dilaksanakan secara berkala terutama kepada organisasi-organisasi seperti institusi kewangan, syarikat-syarikat multi-nasional, jabatan kerajaan dan sebagainya.

Restore ialah proses mengembalikan semula fail-fail, dokumen-dokumen atau pangkalan data kepada keadaan sebelumnya sekiranya berlaku sebarang bencana, malapetaka atau ancaman-ancaman yang telah menyebabkan kerosakan kepada fail, dokumen atau data utama.

Proses *back up* sangat penting, kesan daripada penggunaan teknologi maklumat di dalam kehidupan seharian. Hampir semua urusan pada masa kini seperti operasi pejabat, jual-beli, pembelajaran dan sebagainya menggunakan teknologi maklumat sebagai alat untuk melaksanakannya. Terdapat dua kepentingan utama proses *back up* iaitu:

- 1 Sebagai langkah berjaga-jaga akibat dari insiden-insiden seperti kehilangan data, kerosakan data, serangan virus atau tidak sengaja dibuang oleh pengguna itu sendiri.
- 2 Sebagai data sejarah terhadap proses-proses yang berlaku di antara sesuatu jangka masa.

Proses *back up* juga merupakan sebahagian daripada Pelan Pemulihan Bencana (**Disaster Recovery Plan**).

Proses merancang dan melaksanakan pelan *Back up and Recovery* memerlukan tempoh masa yang lama. Kita perlu mengenal pasti 'apa yang hendak di *back up*?', 'kekerapan data perlu di *back up*?' dan sebagainya. Antara kriteria-kriteriayang perlu semasa perancangan pelan *Back up and Recovery* ialah:


Kriteria-kriteria yang perlu diambil perhatian semasa merancang pelan BACK UP AND RECOVERY

TAHAP KEPENTINGAN DATA

Kita perlu mengenal pasti tahap kepentingan sesuatu data, fail atau dokumen dengan mengklasifikasikan sama ada ianya berstatus kritikal, separa kritikal atau biasa. Setelah itu barulah pelan *Back up and Restore* dapat dirangka dengan baik dan sempurna mengikut klasifikasi atau status masing-masing.

KEKERAPAN PERUBAHAN TERHADAP DATA

Kekerapan perubahan data akan mempengaruhi pelan *Back up and Recovery*. Sebagai contoh, pangkalan data berstatus capaian tinggi perlu di **back up** lebih kerap berbanding pangkalan data berstatus capaian sederhana atau rendah. Oleh demikian kekerapan perubahan data ini akan menjadi faktor penting untuk kita merangka kekerapan untuk melakukan proses *back up*.



KADAR KECEPATAN UNTUK RESTORE SEMULA DATA

Proses *back up* tidak bernilai sekiranya ia tidak boleh digunakan untuk mendapatkan semula data-data yang telah hilang, rosak dan sebagainya. Dalam merangka pelan *Back up and Recovery*, kadar kecepatan untuk *restore* semula data juga perlu diambil kira. Untuk sistem-sistem yang berstatus kritikal, jika sesuatu perkara berlaku dan menyebabkan kehilangan atau kerosakan data, kadar kecepatan untuk *restore* semula data-data tersebut adalah tinggi. Syarikat atau pelanggan mereka akan mengalami banyak masalah atau kerugian sekiranya proses *restore* semula data tersebut mengambil masa yang lama.

PERKAKASAN


Perkakasan merupakan perkara utama yang perlu ada di dalam pelan *Back up and Recovery*. Tanpa perkakasan yang mencukupi, pelan ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Perkakasan termasuklah server, media storan seperti *magnetic tape*, *hard disk*, *optical storage*, *solid state storage* dan sebagainya. Pemilihan dan penggunaan perkakasan yang betul dapat membantu melancarkan pengurusan proses *Backup and Recovery*.

JENIS-JENIS BACK UP

Terdapat berbagai teknik atau kaedah yang boleh digunakan untuk melakukan proses *back up*. Teknik atau kaedah yang digunakan bergantung kepada kategori data yang hendak di *back up*. Antara jenis-jenis *back up* yang dikenal pasti :

FULL BACK UP


Pada kebiasaannya kaedah **Full back up** ini dilaksanakan pada awal atau kali pertama fail tersebut di *back up*. Kaedah ini akan melakukan *back up* terhadap semua fail yang telah dipilih. Tempoh masa untuk melaksanakan proses ini bergantung sepenuhnya kepada saiz fail-fail yang dipilih. Lebih besar fail yang hendak di *back up*, lebih panjang masa yang diperlukan untuk melakukan proses tersebut. Proses *restore* juga bergantung kepada saiz fail *back up*. Lebih besar fail *back up*, lebih panjang masa yang diperlukan untuk proses *restore*. Ruang storan yang besar juga diperlukan sekiranya proses *back up* dilakukan dengan kekerapan yang tinggi. Rajah 1 menunjukkan simulasi proses *full backup*.



Rajah 1

INCREMENTAL BACK UP


Kaedah **Incremental Back up** merupakan kaedah *back up* yang terpanas dan menggunakan ruang dengan efisien. Kaedah ini hanya melakukan *back up* terhadap fail-fail yang berubah sahaja daripada proses *back up* yang terakhir (sama ada *full* atau *differential*). Bagi membolehkan kaedah ini digunakan, satu *full back up* perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebagai tanda permulaan dan juga perbandingan kepada fail *back up* seterusnya. Rajah 2 menunjukkan simulasi proses *incremental back up*.



Rajah 2

DIFFERENTIAL BACK UP

Kaedah **Differential Back up** akan melakukan *back up* terhadap fail-fail yang berubah sahaja selepas sesuatu *full back up* dilaksanakan. *Full back up* perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebagai tanda permulaan serta perbandingan kepada *fail back up* seterusnya. Kaedah ini menggunakan ruang storan yang sedikit berbanding *full back up* tetapi melebihi penggunaan storan oleh *incremental back up*. Rajah 3 menunjukkan simulasi proses *differential back up*.



Rajah 3

SISTEM MAKLUMAT KEWANGAN BERSEPADU (SMKB) PERKENAL 3 LAGI MODUL BARU

Dalam usaha ke arah sistem e-governan, PK sentiasa proaktif dan optimis dalam usaha merancang, membangun dan mengembangkan sistem pengurusan organisasi secara elektronik. Selaras dengan keperluan semasa, Jabatan Penyelenggaraan Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB) telah memperkenalkan tiga lagi modul baru untuk membantu melaksanakan segala urusan kerja dengan lebih efisien dan efektif. Berikut adalah modul-modul baru yang telah dilaksanakan :-



1 MODUL SLIP ONLINE ——— LEBIH MUDAH DAN CEPAT

Modul ini adalah terdiri daripada:

- ▣ Slip Gaji
- ▣ Slip Elaun Lebih Masa
- ▣ Penyata Pendapatan Tahunan

Pejabat Bendahari menerima banyak aduan berkenaan kehilangan dokumen-dokumen di atas. Keadaan ini menyukarkan staf terutama ketika ingin berurusan dengan agensi untuk tujuan tertentu seperti permohonan pinjaman bank, pembayaran cukai pendapatan, permohonan kad kredit dan sebagainya.

Menurut Pejabat Bendahari, proses mendapatkan salinan pendua penyata pendapatan atau slip gaji secara manual memerlukan tempoh yang agak panjang. Sehubungan dengan itu, bagi mengatasi kesulitan ini, PK dengan kerjasama Pejabat Bendahari telah mengambil inisiatif membenarkan staf membuat cetakan secara *online* dokumen yang dikehendaki melalui portal SMKB yang disediakan di laman web universiti.

Selaras dengan Pekeliling Bendahari Bilangan 5/2010, staf boleh mendapatkan pengesahan slip dan penyata yang telah dicetak dari Unit Gaji dan Pinjaman Pejabat Bendahari. Inisiatif ini diharap dapat mengatasi kelewatan staf mendapatkan salinan pendua bagi kes-kes kehilangan dokumen asal. Kini, cetakan boleh dilakukan sendiri di mana-mana sahaja, lebih cepat dan mudah. Modul ini amat fleksibel kerana staf boleh mencetak seberapa kerap dan seberapa banyak yang diperlukan mengikut bulan, tahun yang dikehendaki tanpa perlu ke Pejabat Bendahari. Segala-galanya mudah dengan ICT.

2 MODUL PENGURUSAN STOR — PEMANTAUAN LEBIH EFISIEN DAN EFEKTIF

Objektif modul ini adalah untuk merekodkan segala transaksi keluar atau masuk stok serta mengawal selia kedudukan stok di dua stor utama iaitu stor Pusat di Pejabat Bendahari dan stor di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ). Latihan pengguna kepada wakil-wakil di setiap PTJ telah diadakan bertujuan menerangkan aliran proses serta cara penggunaan sistem dengan lebih terperinci sebelum modul ini dilaksanakan dan seterusnya memastikan pengguna faham sepenuhnya implementasi sistem ini. Proses pemindahan maklumat yang melibatkan data-data utama seperti jenis barang, harga barang, baki stok, lokasi barang telah dimuat naik pada Disember 2010. Modul ini telah dilaksanakan secara rasminya bermula Januari 2011.

Berikut adalah proses-proses yang terlibat di dalam modul Pengurusan Stor secara berkomputer:



Modul ini juga menyediakan kemudahan pertanyaan yang mana pengguna boleh mengetahui kedudukan status permohonan mereka dengan lebih cepat tanpa perlu menghubungi Unit Rekod Aset dan Stor Bekalan Pejabat, Pejabat Bendahari.

Faedah-faedah yang diperolehi :-

- Aliran keluar/masuk stok dapat dipantau dari masa ke semasa.
- Laporan seperti Kad Kawalan dapat dikeluarkan dengan lebih tepat dan cepat.
- Sistem menyediakan konsep *reorder level* yang mana akan membantu pengguna sentiasa mengawasi kedudukan stok sama ada di stor pusat (Pejabat Bendahari) atau di stor PTJ.
- Sistem menyediakan konsep permohonan FIFO (*first in first out*), yang mana permohonan yang awal akan diproses lebih awal dari permohonan lain, namun masih tertakluk kepada stok yang ada.

Modul ini sentiasa dikemas kini dari masa ke semasa bagi memantapkan dan meningkatkan keberkesanan modul selaras dengan keperluan pengguna.

No	Nama Barang	Takat Minima	Takat Maksima	Takat Menokok	Baki Stok	Sedang Dipohon	Kuantiti Dipohon	Mohon
1	Bateri Size AA	6	30	24	18	0	12	<input checked="" type="checkbox"/>
2	Bateri Size AAA	10	30	20	10	0	20	<input checked="" type="checkbox"/>
3	Binder Clip 25mm	5	30	6	5	0	25	<input checked="" type="checkbox"/>
4	Binder Clip 32mm	4	30	24	2	0	28	<input checked="" type="checkbox"/>
5	Binder Clip 41mm	2	30	28	5	0	25	<input checked="" type="checkbox"/>
6	Binder Clip 51 mm	4	30	24	2	0	28	<input checked="" type="checkbox"/>
7	Binding Tape 1"	4	50	46	4	0	46	<input checked="" type="checkbox"/>
8	Binding Tape 2"	2	50	48	11	0	39	<input checked="" type="checkbox"/>
9	Cellotape 1/2"	7	30	23	7	0	23	<input checked="" type="checkbox"/>
10	Cellotape 1"	14	30	16	14	0	16	<input checked="" type="checkbox"/>
11	Comb Binding 10mm	50	100	50	34	0	66	<input checked="" type="checkbox"/>
12	Comb Binding 16mm	30	100	50	0	0	100	<input checked="" type="checkbox"/>
13	Comb Binding 25mm	44	100	56	44	0	56	<input checked="" type="checkbox"/>
14	Comb Binding 32mm	30	100	50	0	0	100	<input checked="" type="checkbox"/>
15	Dawai Kokot No. 10	22	50	28	17	0	33	<input checked="" type="checkbox"/>
16	Document Tray	4	10	6	2	0	8	<input checked="" type="checkbox"/>
17	Double Sided Tape 1"	22	50	28	21	0	29	<input checked="" type="checkbox"/>

Skrin Permohonan

Selamat Datang Ke Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu - Windows Internet Explorer provided by UTeM - Monitoring System

http://portal.utm.edu.my/.../frame.asp?url=.../HAYANI%20BT%20ABU%20YAHIN

SENARAI PERMOHONAN PENGELUARAN

Nama : HAYANI BINTI ABU YAHIN No. Staf : 00206

No. Permohonan: Cari: Bulan: Sila Pilih Tahun: Sila Pilih Tapis:

Bil	No Permohonan	Tarikh Mohon	Kuantiti Dicoohon	Kuantiti Lulus	Status
1	PS07000000000220111	06/01/2011	55	4	PENGAMBILAN STOK
2	PS07000000000490111	06/01/2011	50	2	PENGAMBILAN STOK
3	PS070000000005050111	17/01/2011	50	30	PENGAMBILAN STOK
4	PS070000000005050111	18/01/2011	50	48	PENGAMBILAN STOK
5	PS070000000005050111	24/01/2011	150	100	PENGAMBILAN STOK
6	PS0700000000100111	28/01/2011	161	110	PENGAMBILAN STOK
7	PS07000000001100111	14/02/2011	148	53	PENGAMBILAN STOK
8	PS07000000001202111	28/02/2011	132	13	PENGAMBILAN STOK
9	PS07000000001303111	03/03/2011	140	33	PENGAMBILAN STOK
10	PS07000000001403111	07/03/2011	64	60	PENGAMBILAN STOK
11	PS07000000001503111	16/03/2011	150	25	PENGAMBILAN STOK
12	PS07000000001603111	18/03/2011	130	63	PENGAMBILAN STOK
13	PS07000000001703111	21/03/2011	115	20	PENGAMBILAN STOK
14	PS07000000001803111	22/03/2011	183	127	PENGAMBILAN STOK
15	PS07000000001903111	29/03/2011	306	109	PENGAMBILAN STOK
16	PS07000000002004111	07/04/2011	158	54	PENGAMBILAN STOK
17	PS07000000003104111	21/04/2011	60	50	PENGELUARAN STOK

Logout Terakhir: 27/04/2011 9:06:56 AM

Skrin Semakan Status

Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu ver1.12.35 (00206/070000)

Bajet: Kelulusan (Kelulusan)

No Siri Permohonan: PS0100000000230411 Tarikh Permohonan: 25/04/2011

Bahagian / Fakulti: 010000 - CANSELORI

Senarai Barangan

Bil.	Nama Barangan	Tujuan Kegunaan	PERMOHONAN		KELULUSAN			
			Baki PTJ	Kuantiti	Tkt. Minima	Tkt. Menokok	Baki Stok	Kuantiti
1	Binder Clip 25mm	TAMBAH STOK	13	17	1	20	5	
2	Binder Clip 32mm	TAMBAH STOK	8	22	1	15	16	
3	Binding Strip Set	TAMBAH STOK	88	100	1	50	44	
4	Binding Tape 1"	TAMBAH STOK	11	9	1	7	34	
5	Binding Tape 2"	TAMBAH STOK	1	19	1	20	81	
6	Cecair Pemadam	TAMBAH STOK	9	16	1	30	53	
7	Celotape 1/2"	TAMBAH STOK	9	11	1	25	72	
8	Dawral Kokot No. 10	TAMBAH STOK	12	18	1	60	8	
9	FAIL BINDER 2D 40MM BLUE	TAMBAH STOK	10	14	1	7	3	
10	Gam 50ml	TAMBAH STOK	2	8	1	40	40	
11	Kertas A4 Biru 80gsm	TAMBAH STOK	6	12	1	15	10	
12	Kertas A4 Putih 80gsm	TAMBAH STOK	3	110	10	1500	3050	
13	Map Pin	TAMBAH STOK	2	8	1	10	20	
14	Paper Clip Besar	TAMBAH STOK	7	13	1	10	25	
15	Paper Clip Kecil	TAMBAH STOK	2	18	1	20	2	
16	Pen Merah	TAMBAH STOK	14	86	1	30	176	

Maklumat Pemohon: Nama: AZEAN BINTI AHMAD, Telefon: 3316279, Tarikh: 25/04/2011

Maklumat Pengesah: Nama: MOKHTAR BIN AMAN, Telefon: 3316274, Tarikh: 26/04/2011

Skrin Kelulusan

Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu ver1.12.35 (00206/070000)

Cetakan (Kad Kawalan PTJ)

PERHAL STOK: Comb Binding 10mm

KOD STOK: C09 MINIMA: 50

LOKASI STOK: SP070000 MAKSIMA: 100

KEW.PS-3 No.: MENOKOK: 50

Bil	Tarikh	Masa	No Rujukan	Tindakan	Istok		Baki
					Kuantiti	Keluaran	
1	03/03/11	12:28	EM0210	Chk Bahasa Pejabat	00	0	00
2	21/03/11	16:35	PS070000000010011	Chk Bahasa Pejabat	15	0	65
3	01/04/11	15:46	PS0700000000170311	Chk Bahasa Pejabat	15	0	50
4	01/04/11	0:00	-	Jumlah In Stock	0	0	30
5	16/04/11	11:30	PS070000000010011	Chk Bahasa Pejabat	1	0	34
Jumlah					34	50	99

Skrin Cetakan Kad Kawalan

3 MODUL INDEN KERJA — PROSES SECARA BERPUSAT

Pusat Komputer dengan kerjasama Pejabat Pembangunan dan Pejabat Bendahari telah bekerjasama membangunkan Modul Inden Kerja yang telah diguna pakai bermula Februari 2011.

Hasil daripada persetujuan daripada semua pihak yang terlibat, segala proses permohonan Inden Kerja sehinggalah kepada proses pembayaran secara berkomputer dilakukan secara berpusat di Pejabat Pembangunan. Kaedah ini dapat membantu Pejabat Pembangunan khususnya Unit Kontrak dalam memantau pelaksanaan kerja yang dilakukan oleh kontraktor yang telah dipilih.

Berikut adalah sub modul Inden Kerja :

- | | | |
|---------------------|--------------------|---------------------|
| 1 PERMOHONAN | 2 KELULUSAN | 3 CETAKAN |
| 4 PELARASAN | 5 SELESAI | 6 PEMBATALAN |
| 7 PERTANYAAN | 8 LAPORAN | 9 PEMBAYARAN |

Antara kelebihan yang diperolehi daripada modul Inden Kerja ini ialah :-

- ❑ Pengawasan peruntukan bajet terkawal , dimana permohonan inden kerja hanya boleh dilakukan sekiranya ada peruntukan
- ❑ Penjanaan pelbagai laporan yang diperlukan oleh pengguna
- ❑ Semakan status permohonan
- ❑ Maklumat inden kerja disimpan secara sistematik

Pusat Komputer ingin merakamkan penghargaan kepada pengguna terutamanya Pejabat Pembangunan dan Pejabat Bendahari di atas kerjasama dan komitmen yang telah diberikan sepanjang proses pembangunan dan pelaksanaan Modul Inden Kerja ini.

Oleh: suhaimi@utem.edu.my

QUALITY.PROCESSES.RESULTS (QPR)

Pelaksanaan Balanced Scorecard Berkesan

Sistem ini digunakan buat pertama kali di Pusat Komputer dan di UTeM pada 2010 .Perisian QPR (Quality.Processes.Results) membolehkan pemantauan prestasi projek-projek jabatan yang dirancang dikemas kini sepanjang tahun. Terdapat tiga kategori projek iaitu:-

- Pelaksanaan berterusan
- Projek Adhoc
- Sasaran Kerja Tahunan (SKT)

Pengukuran dibuat adalah mengikut 'milestone'. Empat tarikh mesti digunakan untuk mengukur prestasi sesuatu kerja iaitu:

- Tarikh jangka mula
- Tarikh jangka siap
- Tarikh siap
- Tarikh status terkini

'Indicator' prestasi/pencapaian sesuatu projek atau kerja dipaparkan menggunakan kod warna:

- Telah siap
- Belum selesai/ di peringkat pembangunan tetapi mengikut masa yang ditetapkan
- Belum selesai/ di peringkat pembangunan tetapi telah mencapai tarikh jangka siap
- Belum siap/di peringkat pembangunan tetapi telah melebihi tarikh jangka siap

Terdapat beberapa proses kerja yang perlu dilakukan oleh pengguna (Ketua Jabatan) termasuklah memasukkan butiran projek yang dirancang sepanjang tahun semasa. Ia dilakukan pada minggu pertama bulan Januari setiap tahun. Pengguna juga perlu mengenal pasti projek-projek mengikut kategori sama ada SKT, ataupun pelaksanaan berterusan. Projek Ad-Hoc akan dimasukkan setelah mendapat arahan terkini dari mana-mana pegawai atasan. Pengguna hanya boleh melihat skrin jabatan masing-masing sahaja.

Autoriti ini semakin luas bagi Ketua Bahagian, Timbalan Pengarah seterusnya Pengarah. Pada peringkat ini juga butiran projek seperti tarikh-tarikh penting mesti diletakkan. Tarikh ini akan di *lock* pada tempoh tertentu setelah tempoh kemasukan data ini ditutup oleh *administrator*. Setelah itu, pengguna tidak boleh mengubah tarikh lagi tanpa kebenaran *administrator* untuk mengelakkan pengguna melewati tempoh atau durasi projek yang telah dirancang bertujuan mengelakkan *indicator* jabatan mereka berwarna merah. Setelah semua proses awal ini selesai, pengguna akan mengemas kini tarikh status terkini dari masa ke semasa (secara mingguan) setiap proses kerja yang dinyatakan dalam sistem.

Jika berlaku kelewatan sesuatu proses kerja dari tarikh yang dijangka siap, komen diletakkan di kolom berkaitan untuk menjelaskan sebab kelewatan.

Untuk memastikan setiap projek dilaksanakan mengikut tempoh yang dijadualkan dan mengenal pasti kelemahan kelewatan sesuatu projek, perlu diadakan pembentangan kepada Pengarah setiap bulan. Melalui perjumpaan ini, tindakan susulan dan penambahbaikan dibincangkan.

Pencapaian prestasi setiap bahagian dan prestasi Pusat Komputer secara keseluruhannya diukur mengikut peratus (prestasi semua jabatan) yang dicapai iaitu:




Di samping itu, sistem ini juga menyediakan kemudahan laporan dinamik bagi Sistem Maklumat di UTeM seperti Sistem Maklumat Pelajar dan Sistem Maklumat Sumber Manusia.

Kelebihan QPR


- a) Pemantauan projek dapat dilakukan oleh ketua/penyelia dengan lebih berkesan.
- b) Pencapaian peratus kerja/projek yang siap dibuat dapat dilihat dan diukur oleh pihak pengurusan.
- c) Faktor kelemahan atau kelewatan siap sesuatu projek boleh dinilai dengan cepat seperti staf kekurangan, latihan atau kemahiran, kekurangan sumber manusia dan sumber kewangan.
- d) Analisa data/statistik sistem maklumat dapat dilihat melalui *dynamic report* yang disediakan.

Kenapa setiap organisasi perlu menggunakan QPR?

- a) Staf yang terlibat dengan sesuatu projek yang menyumbang kepada pencapaian *balanced scorecard* jabatan masing-masing lebih berusaha dan dedikasi untuk menyempurnakan tugas yang diberi.
- b) Pelaporan status kerja/projek dilaksanakan dengan lebih kemas, jelas dan telus.
- c) Semangat kerja berpasukan lebih terserlah dengan penggunaan sistem ini.





Skrin Paparan Menu Sistem QPR




Skrin Paparan Menu Sistem QPR

Skrin Paparan Menu Sistem QPR



Skrin Paparan Dynamic Report

Skrin Paparan Dynamic Report



LAWATAN KERJA KE CISCO CUSTOMER CENTRE DAN NATIONAL UNIVERSITY OF SINGAPORE

Lihat Aspek Penyediaan ICT I-CAMPUS

Oleh: radzif@utem.edu.my

Satu lawatan kerja diketuai oleh YBhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan telah diadakan ke Cisco Customer Briefing Center (CBC) dan National University of Singapore (NUS) pada 27 Januari 2011 dan 28 Januari 2011 yang lalu. Turut menyertai lawatan, Dekan Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi, Prof. Dr. Shahrin bin. Sahib@ Sahibuddin, Pengarah Pusat Komputer, En. Mohd Isa bin Mohd Dom dan Ketua Bahagian Rangkaian, En. Mohd Radzif bin Abd Hamid. Misi utama lawatan bertujuan mendapatkan pendedahan teknologi berkaitan penggunaan sidang video dalam proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan serta cara-cara untuk meningkatkan lagi keberkesanan pentadbiran dengan menggunakan teknologi tersebut. Selain itu, aplikasi penggunaan sidang video ini turut diteliti untuk pelbagai tujuan berkaitan akademik seperti Pembelajaran Jarak Jauh, Viva Penyelidikan, *Industrial Talk*, *Lecture On Demand* (e-learning) serta kemudahan yang dijangka akan merealisasikan perancangan untuk mewujudkan persekitaran i-kampus.



CISCO CUSTOMER BRIEFING CENTER *Pendedahan Teknologi*

Pengarah Bahagian Pendidikan Asia Pasifik CISCO, En. Marcus Lim Wah-Onn telah mengaturkan satu pembentangan berkaitan teknologi ICT yang kini merupakan satu keperluan dan salah satu faktor penentu keupayaan sesuatu institusi pengajian untuk bersaing. Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan, teknologi tidak boleh menentukan cara pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan dilakukan, tetapi menjadi pelengkap serta pemangkin kepada kaedah pembelajaran yang lebih sistematik dan berkesan.

Evolusi kaedah pengajaran dan pembelajaran bermula dari penggunaan kertas dan nota tangan kini digantikan dengan sistem yang lebih interaktif, mudah dicapai secara atas talian serta mesra alam. Kelas dan kuliah kini boleh diulang kaji dengan memuat turun pembentangan nota dari pensyarah serta menonton rakaman kelas (*Video/Lecture on Demand*) yang dapat diakses secara atas talian.

Malah teknologi rangkaian terkini membolehkan tenaga pengajar tidak lagi perlu berada di lokasi untuk mengajar sebaliknya boleh memberi kuliah serta berinteraksi dengan pelajar yang berada di beberapa lokasi yang berlainan secara serentak pada masa sebenar.

Kaedah pembelajaran berasaskan teknologi Web 3.0 ini telah mula dipraktikkan oleh universiti-universiti ternama dunia seperti Michigan Institute of Technology, Duke University dan NUS sendiri dalam usaha meningkatkan nilai serta pengalaman pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan dengan menjadi teknologi ICT sebagai salah satu tunjang utama untuk mencapai kecemerlangan.



Perbincangan di Bilik Teknologi CBC

Perancangan universiti untuk mengaplikasikan penggunaan sidang video bagi proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan boleh dicapai dengan mengguna pakai sistem seperti Telepresence. Berbanding dahulu, di mana hanya pengguna yang menggunakan Telepresence sahaja yang boleh berkomunikasi di antara satu sama lain, pihak CISCO telah mengambil langkah proaktif dengan mengeluarkan Telepresence Initiation Protocol sebagai salah satu protokol standard yang boleh diguna pakai oleh mana-mana pengeluar sistem sidang video.

Malah dengan penggunaan rangkaian penyelidik yang terdapat di kebanyakan negara seperti TEIN3, MYREN, SINGAREN, CERNET, KOREN dan pelbagai lagi, penggunaan Telepresence sebagai salah satu medium perhubungan dan komunikasi banyak membantu proses penyelidikan, menjimatkan masa dan kos serta meningkatkan tahap efisien perhubungan. Dengan menggunakan sistem Telepresence sebagai asas, pengguna boleh menghadiri atau mengadakan kelas secara maya dan atas talian

pada masa sebenar. Melalui teknologi seperti Full HD dan Lost Packet Recovery, komunikasi antara penuntut dan pengajar berlangsung secara interaktif dan sebenar walau pada hakikat mereka berada di dua lokasi yang berbeza.

Marcus memaklumkan bahawa CISCO bakal memperkenalkan produk baru yang dikenali sebagai LearningVision yang akan menggunakan konsep persekitaran pembelajaran yang saling berhubung (*Connected Learning Environment*), Seminar Pembelajaran Global, Bilik Kolaborasi Aktif dan Sistem Rakaman Kuliah (*Lecture Capture System*).

Penggabungan sistem sidang video seperti Telepresence dan Tandberg, sistem siaran atas talian Digital Media Suite, serta sistem video mudah alih seperti MoVi, maka masalah kekangan masa, kewangan dan logistik dapat diminimumkan dalam usaha institusi pengajian tinggi menjalinkan kerjasama pintar di kalangan institusi pendidikan, penyelidik serta rakan industri.

NATIONAL UNIVERSITY OF SINGAPORE (NUS)



Lawatan kerja ke NUS bertujuan melihat infrastruktur ICT yang disediakan dan diguna pakai secara meluas dalam urusan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan pentadbiran. Secara amnya, operasi ICT dikawal selia oleh dua jabatan utama iaitu Computer Center yang diketuai oleh En. Tommy Hor yang bertanggungjawab ke atas penyediaan infrastruktur dan infostruktur dan Center for Instructional Technology yang diketuai oleh En. Ravi Chandran lebih menjurus kepada penggunaan dan aplikasi ICT dalam urusan pengajaran dan pembelajaran universiti.

Infrastruktur

Ditubuhkan pada tahun 1905, NUS kini mempunyai seramai 33,000 orang penuntut dan melebihi 8,000 kakitangan yang bertugas di ketiga-tiga kampus cawangannya. Dengan kapasiti 14 buah fakulti serta 7 buah kolej kediaman, NUS mempunyai tulang belakang rangkaian sebesar 60Gbps untuk menghubungkan dan menampung keperluan komunikasi yang diperlukan untuk tujuan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Malah, ruang storan yang disediakan juga mencecah 358 TeraByte yang diselenggara dan dikawal selia di Pusat Data Utama dan di Pusat Pemulihan Bencana yang dihubungkan menggunakan *Dark Fiber* dengan kapasiti capaian 8Gbps.

Selain daripada itu, NUS juga mempunyai sebanyak 1,600 unit *access point* yang terdapat di keseluruhan universiti yang membolehkan warga kampus mengakses rangkaian dalaman atau melayari Internet. Pada tahun 1990, NUS merupakan satu-satunya organisasi di Singapura yang mempunyai capaian ke Internet dan sehingga kini, jalur lebar tersebut kini berkapasiti hampir 900Mbps dengan 500Mbps untuk kegunaan peering dan 400Mbps untuk kegunaan local.



Perkhidmatan

Bagi menyokong kerja-kerja penyelidikan yang memerlukan kuasa pemprosesan yang tinggi, Computer Center telah menyediakan perkhidmatan yang dikenali sebagai Tera-scale Campus Grid. Sistem ini berupaya menggunakan kuasa pemprosesan 1,300 unit PC di seluruh kampus NUS yang membolehkan penyelidik menjalankan penyelidikan yang lebih kompleks dalam masa yang lebih singkat dan berkesan. Malah, kos pengurusan dapat dijimatkan dengan hanya pembelian Sistem Middleware Grid yang menggunakan sumber sedia ada iaitu komputer berbanding pembelian pelayan khas.

soal jawab, kuiz dan perbincangan, sesi kuliah tersebut akan direkodkan dan pelajar boleh merujuk atau memuat turun pada bila-bila masa.

Satu lagi perkhidmatan menarik yang disediakan adalah Global Classroom. NUS menjalin kerjasama pintar dengan rakan institusi pendidikan lain seperti Massachusetts Institute of Technology menggunakan teknologi sidang video untuk kuliah atau latihan yang dijalankan secara atas talian pada masa sebenar.



Global Classroom



Pusat Siber yang dikenali sebagai ThinkLab

Dalam usaha menyediakan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang berkonsepkan mesra pengguna, sepanjang masa dan di mana-mana, Computer Center dengan kerjasama Center for Instructional Technology melengkapkan bilik-bilik kuliah dengan Sistem Rakaman Kuliah yang membolehkan kuliah dirakam dan disimpan untuk pelajar membuat rujukan pada masa akan datang. Lebih menarik lagi, selain daripada *streaming*, pelajar juga boleh memuat turun video tersebut dalam bentuk audio ke dalam pemain digital mudah alih seperti pemain MP3 dan telefon pintar.



Smart Classroom

Berdasarkan kepada teknik pengajaran dan pembelajaran atas talian, NUS mengambil inisiatif untuk memperkenalkan Minggu e-Learning. Menurut En. Tommy, minggu ini diperkenalkan setelah mengambil iktibar dari kejadian serangan virus SARS yang mengakibatkan NUS terpaksa dikuarantin dan menyebabkan sesi pengajaran dan pembelajaran tergendala. Teknik pengajaran dan pembelajaran atas talian ini berupaya mengumpulkan tenaga pengajar dan pelajar di dalam kelas maya di mana kuliah akan berjalan seperti biasa. Selain daripada sesi

Kemudahan di Multi Conference Unit membenarkan kuliah dan latihan tersebut dapat dikongsi bersama oleh dua kelas yang berlainan dengan hanya menggunakan rangkaian setempat kampus NUS. Perabot yang terdapat di dalam Global Classroom ini merupakan perabot jenis mudah alih yang membolehkan fungsi bilik tersebut berubah mengikut kesesuaian seperti susunan ruang atur untuk kelas, perbincangan, mesyuarat, *viva*, temuduga dan lain-lain.



Bilik perbincangan dilengkapi dengan teknologi Video Conference



Bilik mesyuarat yang dilengkapi dengan teknologi Video Conference

ANUGERAH STAF CEMERLANG PUSAT KOMPUTER 2010



ZAINUDIN BIN SALLEH
Pegawai Teknologi Maklumat
Bahagian Keselamatan ICT & Data Center



MUHAMMAD NAZAM BIN ABU BAKAR
Juruteknik (Kanan)
Jabatan Servis & Penyelenggaraan

KATEGORI HUBUNGAN ANTARA STAF

Hubungan mesra di antara semua level, skim, gred. Memelihara hubungan dengan menjaga adab & tatasusila ketika berbincang/berbual. Menetapkan had tertentu apabila berbicara tentang topik-topik tertentu bersesuaian dengan masa, tempat dan suasana.

KATEGORI PERSONALITI MENARIK

Miliki ciri keperibadian, sahsiah yang boleh menjadi role model kepada staf lain. Mempraktikkan elemen-elemen Kemahiran Insaniah secara total sepanjang menjalankan tugas seharian iaitu:

- (i) Kemahiran Berkomunikasi;
- (ii) Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah;
- (iii) Kemahiran Kerja Berpasukan;
- (iv) Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat;
- (v) Kemahiran Keusahawanan;
- (vi) Etika dan Moral Profesional; dan
- (vii) Kemahiran Kepimpinan



MAZURA BINTI MUSTAFA
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Jabatan Sistem Dokumentasi



ZAINUDIN BIN SALLEH
Pegawai Teknologi Maklumat
Bahagian Keselamatan ICT
& Data Center



RAIHANA BINTI KASIM
Pegawai Teknologi Maklumat
Bahagian Penyelenggaraan
Sistem Maklumat

KATEGORI KERJA-KERJA AMAL & KEBAJIKAN (K-SCOM & LAIN-LAIN)

Terlibat secara aktif langsung atau tidak langsung aktiviti-aktiviti kebajikan sama ada melalui kelab staf (K-Scom) atau mana-mana pertubuhan lain yang diiktiraf/aktiviti sukarelawan/persatuan belia/aktiviti di peringkat luar dari UTeM.

MAJLIS PERKAHWINAN



*Norizan Mat Daut &
Wan Nazarudin Wan Ngah*
5 FEBRUARI 2011

*Noor Hamaliah Binti Mohd Basri &
Nurul Faezal Bin Wahid*
27 FEBRUARI 2011

KELAHIRAN BAYI

Nur Idham Bin Idris
Nurul Iman Binti Nur Idham
6/1/2011

Khalid Bin Pandi
Zarief Irfan Bin Khalid
26/1/2011

Nuraisah Binti Abd Wahab
Nur Ain Hanania Binti Noor Mahadir
17/5/2011

Tahniah...

Anugerah

PERKHIDMATAN CEMERLANG 2010

UMUM

Think positive & steps ahead than others, always turn the crisis into an opportunity to develop your talent, utilized your skills and experiences, set the intention, and focus on the performance to achieve the goal. Go ahead, as long as you are at the right track. A survivor is those who are able to adapt at any situation.

Aida binti Salleh



Penolong Pendaftar
Bahagian Pentadbiran

Usaha lif kejayaan!
Tiada lagi tangga...
Naik tangga penat dan
lambat.

Shahrul Anwar bin Ramli



Pembantu Tadbir (P/O)
Jabatan Kewangan & Rekod Aset

Kejayaan hari ini tidak datang sekelip mata. Banyak rintangan yang dihadapi setiap masa. Walau apa pun, sebagai pemegang amanah kita perlu sentiasa mohon kepada ALLAH SWT supaya kita dapat memberikan komitmen yang baik dalam menjalankan tanggungjawab dengan lebih baik setiap hari. Sentiasa melakukan kerja atau tanggungjawab penuh ikhlas dan dedikasi. Kita hendaklah sentiasa berfikir positif supaya hasilnya juga positif.

Walaupun sebesar mana pun tanggungjawab dan amanah yang diberikan, kita perlulah menggalasnya dengan komitmen yang tinggi agar dapat membuahkan hasil yang berkualiti.


Raihana binti Md. Kasim



Pegawai Teknologi Maklumat
Jabatan Penyelenggaraan Sistem - SMKMB

Kerja, kerja, kerja, jangan
sesekali merungut, lakukan
dengan ikhlas dan mengikht
masa serta bekendak pelanggan.
Ikut resmi pada, makin beris
makin tunduk.

Haironi bin Hadzilah



Pen. Pegawai Teknologi Maklumat
Jabatan Pembangunan Sistem



Juruteknik Komputer
Jabatan Servis & Penyelenggaraan

Anggaplah kerja itu sebagai ibadah dan mengerjakannya dengan penuh tanggungjawab. Rakan-rakan sekerja dan mempunyai "bos-bos" yang sempoi menjadi perangsang utama dalam menjalani tugas harian di pejabat.

Khairin bin Abdullah



Tahniah...

APA ITU MSDNAA???

MSDN Academic Alliance (MSDNAA) direka untuk memberikan cara yang paling senang dan murah bagi Universiti untuk mendapatkan perisian Microsoft terbaru di makmal, ruangan kelas, dan pada PC pelajar.

MSDNAA adalah program keahlian tahunan untuk jabatan yang menggunakan teknologi dalam menyokong bidang Sains, Teknologi, Teknik, dan Matematik(STEM). Perkhidmatan ini menyediakan penyelesaian lengkap, murah untuk memastikan makmal akademik, fakulti, dan mahasiswa mendapatkan perisian terkini seiring dengan kemajuan teknologi.

Manfaat yang diperoleh dari perkhidmatan ini :

- 1 **Set platform terbaru Microsoft, pelayan (server), dan peranti pemaju (developer tools).**
- 2 **Memberi lesen untuk proses instalasi perisian untuk digunakan oleh jabatan bagi tujuan pembelajaran dan penyelidikan.**
- 3 **Edaran perisian elektronik kepada pelajar dan staf akademik melalui e-Akademik Lesen Management Systems (Elms).**

Perisian yang dibekalkan dalam MSDNAA :

Sistem pengendalian (Operating Systems)

Windows Vista, Windows XP, Windows 2000, Windows Server 2003

Development Tools(Development Tools)

Visual Studio Team System 2008, XNA, Robotics Studio

Aplikasi(Applications)


Access, InfoPath, MapPoint, Projek, Virtual PC, Visio

Platform Pelayan (Server platforms)


SQL Server, Exchange Server, Commerce Server, BizTalk Server, Host Integration Server, Application Center, ISA Server, Mobile Information Server, SharePoint, Team Foundation Server dan lain-lain

Tools, SDK & DDKs

MSDN Library - Dokumentasi, artikel teknikal, contoh kod Knowledge Base Technical Support Library Betas, New releases, updates Development Tools for Windows CE and Windows XP Embedded



Skrin Paparan Daftar Masuk



Skrin 'Search for Products'

Home | Your Account | Shopping Cart | Help | Administration | Product Search
 Welcome noorazlina@utem.edu.my Sign Out | English

msdn academic alliance Software Center **Microsoft**

Software Lab Installs

Microsoft Office SharePoint Designer 2007 32-bit (English) - Download

Manufacturer: Microsoft Corporation **Free**

Platforms: Windows Quantity: 1 restricted

Delivery Type: Download **Add To Cart**

Available to: Students/Faculty/Staff In Stock [Are you eligible?](#)

Tweet 0 Recommend Be the first of your friends to recommend this.

Description Are you eligible?

Microsoft Office SharePoint Designer 2007

Office SharePoint Designer 2007 provides you with tools to automate your business processes, build efficient applications on top of the Microsoft SharePoint platform, and tailor your SharePoint site to your needs, all in an IT-managed environment.

Build solutions faster to enhance team productivity and efficiency

Use Office SharePoint Designer 2007 to create and deploy interactive solutions on the SharePoint platform, without having to write code.

- Automate business processes such as document approval, custom event notification, and other collaboration tasks with the Workflow Designer.
- Create reporting and tracking applications using data views and forms to easily gather and aggregate data from outside your site and from SharePoint lists and document libraries on the Web site.
- Get started fast with pre-built Microsoft Windows SharePoint Services Application Templates, which are fully customizable and extensible using Office SharePoint Designer 2007.
- Extend your solutions by building advanced interactive Microsoft ASP.NET pages. Insert and edit controls with the same powerful activity menus and control property grid previously found only in

Skrin 'Products Description'


Home | Your Account | Shopping Cart | Help | Administration | Product Search
 Welcome noorazlina@utem.edu.my Sign Out | English

msdn academic alliance Software Center **Microsoft**

Software Lab Installs

The item (or a related item) is already in your shopping cart and may not be added again.

Your Cart

	Quantity	Unit Price	Price	
 Microsoft Office SharePoint Designer 2007 32-bit (English) - Download Date Added: 2011-11-09 4:53 PM	1	Free	Free	Remove
24 Extended Access Guarantee (24 months) - Included 24 months of access to your download and/or key				
Update Cart			Subtotal: \$0.00	

[Continue Shopping](#) [Check Out](#)

[Privacy Policy](#) | [Safe Shopping](#)

Skrin 'Products Selected'


Home | Your Account | Shopping Cart | Help | Administration | Product Search
 Welcome noorazlina@utem.edu.my Sign Out | English

msdn academic alliance Software Center **Microsoft**

Software Lab Installs

Messages **Order** Receipt

Items All prices are in US Dollars

	Quantity	Unit Price	Amount
 Microsoft Office SharePoint Designer 2007 32-bit (English) - Download 24 Extended Access Guarantee (24 months) - Included 24 months of access to your download and/or key	1	\$0.00	\$0.00
Subtotal: \$0.00			Taxes: \$0.00
Total: \$0.00			

Order Information Fields marked with an asterisk (*) are required

Last Name* yusop First Name* Noorazlina
 Email* noorazlina@utem.edu.my

I would like to subscribe to receive information on the latest Microsoft events, updates, special offers, and more!

[Proceed With Order](#)

[Privacy Policy](#) | [Safe Shopping](#)

Verified Trusted OnTheHub network Powered by e-academy

Skrin 'Shopping Cart - Order Detail'

Home | Your Account | Shopping Cart | Help | Administration | Product Search
 Welcome noorazlina@utem.edu.my Sign Out | English

msdn academic alliance Software Center **Microsoft**


Software Lab Installs

Messages Order **Receipt**

Your order has been placed and a confirmation email will be sent to you shortly. You may wish to print this page for your records. Detailed information about all of your orders can always be found under Your Account.

Order Summary	Order Information
Order Date: 2011-11-09 5:18 PM W. Australia Standard Time Order Number: 100041910213	Name: Noorazlina yusop Email: noorazlina@utem.edu.my

Items All prices are in US Dollars

	Quantity	Unit Price	Amount
 Microsoft Office SharePoint Designer 2007 32-bit (English) - Download Download Options 24 Extended Access Guarantee (24 months) - Included 24 months of access to your download and/or key Expires 2013-11-09 Product Key: XXXX-XXXX-XXXX-XXXX Messages: • MSDNAA_BULA Agreement Number: 1203538562	1	\$0.00	\$0.00
Subtotal: \$0.00			Taxes: \$0.00
Total: \$0.00			

[Continue Shopping](#)

Skrin 'Purchase Detail & Product Key'

APA ITU JOOMLA

Joomla ialah sebuah sistem pengurusan kandungan sumber terbuka yang diedarkan secara percuma. Ia ditulis dalam bahasa pengaturcaraan PHP untuk menerbitkan kandungan ke laman web dan Intranet dengan menggunakan Pangkalan data MySQL.

Ciri-ciri unik Joomla termasuklah laman cache untuk meningkatkan prestasi, RSS, laman boleh cetak, berita terkini, blog, undian, carian laman, dan bahasa-bahasa.

Nama "Joomla" diambil daripada perkataan Swahili iaitu jumla yang bermaksud "mari bersama-sama" atau "secara keseluruhannya". Ia dipilih bagi menunjukkan komitmen pasukan pembangunan dan komuniti projek berkenaan. Keluaran pertama Joomla! (Joomla! 1.0.0) diumumkan pada 16 September 2005. Ini adalah keluaran penjenamaan semula Mambo 4.5.2.3 digabungkan dengan pembaikan keselamatan serta pepijat komputer. Di peta laman projek ini, pasukan pembangunan asas menyatakan bahawa Joomla! 1.5 adalah kod yang ditulis semula dengan dibina menggunakan bahasa pengaturcaraan PHP 5.

Joomla! dibebaskan di bawah Lesen Dokumentasi Bebas GNU.

SEJARAH DAN PERKEMBANGANNYA

Joomla mula terjadi apabila terjadinya pembangunan perisian daripada versi Mambo di antara Miro Corporation dari Australia, pemegang hak cipta Mambo pada masa itu, dan kesemua ahli pemaju pusat. Kedua-dua kumpulan berpisah pada 17 Ogos 2005. Miro Corporation menubuhkan sebuah yayasan dengan tujuan untuk menaja projek itu dan melindunginya daripada tindakan undang-undang. Pasukan pembangunan mendakwa bahawa banyak struktur yayasan berkenaan melanggar perjanjian yang dibuat oleh Jawatankuasa Mambo yang dilantik. Mereka juga mendakwa kurangnya perbincangan dengan pemegang saham utama dan melanggar nilai-nilai asas Sumber Terbuka.

Pasukan pembangunan mencipta sebuah laman web yang dipanggil OpenSourceMatters untuk mengedarkan maklumat kepada para pengguna, pemaju, pereka web dan komuniti secara amnya. Ketua projek pada waktu itu, Andrew Eddie, juga dikenali sebagai "MasterChief," menulis sepucuk surat terbuka kepada komuniti, yang muncul di papan pemberitahuan di forum awam di mamboserver.com.

Menjelang keesokan hari, 1000 orang telah menyertai laman forum opensourcematters.org dengan kebanyakan mesej menunjukkan perkataan-perkataan semangat dan galakan kepada Pasukan Pembangunan.

Laman web berkenaan menerima komen dan artikel berita berhubung peristiwa berkenaan di newsforge.com, eweek.com, and ZDnet.com. CEO Miro, Peter Lamont, memberi respon awam di dalam artikel bertajuk Kontroversi Sumber Terbuka - 20 Soalan Bersama Miro.

Peristiwa ini telah mengakibatkan komuniti sumber terbuka berfikir semula tentang apa tafsiran "Sumber Terbuka". Laman-laman forum di kebanyakan projek sumber terbuka dibanjiri dengan mesej-mesej menyokong dan menentang tindakan kedua-dua pihak berkenaan. Khabar-khabar angin dan tuduhan tentang kesilapan yang dilakukan oleh Miro dan Yayasan Mambo mula menjadi hangat.

Dalam masa dua minggu selepas pengumuman Eddie, pasukan-pasukan mula disusun semula dan komuniti ini mula tumbuh. Pada 1 September 2005 nama baru diumumkan dengan sambutan berbeza oleh 3000+ penyokong setia Pasukan Pembangunan. Sehingga kini, Joomla telah memenangi Projek Linux Open Souce dari Linux World London dan menjadi salah satu daripada 50 projek sumber terbuka yang terbaik skala dunia.


Joomla telah melalui beberapa versi.

1. Joomla 1.0 hingga 1.0.15
2. Joomla 1.5 hingga 1.5.23
3. Joomla 1.6 hingga 1.6.6
4. Joomla 1.7 (terkini)

KANDUNGAN JOOMLA!

Pakej Joomla mengandungi pelbagai bahagian berbeza yang dibina untuk menjadi sebagai sebuah modular jika boleh. Hal ini akan membolehkan peralatan tambahan dan integrasi dijalankan dengan senang. Satu contoh berkenaan ialah sejenis benda yang dipanggil "Bot".

Bots ialah sebuah modul yang jika diaktifkan boleh menambahkan fungsi Joomla. WikiBot, sebagai contoh, membolehkan pengarang kandungan Joomla menggunakan "Wikitaggs" dalam artikel-artikel Joomla, yang akan membina secara automatik pautan-pautan ke artikel-artikel Wikipedia apabila artikel ini diterbitkan. Beratus-ratus peralatan tambahan untuk Joomla juga dapat diperolehi melalui Direktori Peralatan Tambahan.




PANDUAN BAHASA MELAYU YANG MUKTAMAD

Dewan Eja Pro® merupakan alat rujukan lengkap bagi Bahasa Melayu. Ia terdiri daripada penyemak ejaan, kamus-kamus daripada Dewan Bahasa dan Pustaka serta ensiklopedia percuma (dalam Bahasa Inggeris). Penyemak ejaan berintegrasi dengan Microsoft Office, menunjukkan kesilapan-kesilapan dan memberikan cadangan untuk pembetulan.

Teknologi ini membolehkan pengguna mencari makna bagi sebarang daftar kata/istilah dengan hanya menyerlahkannya dalam sebarang aplikasi Windows.

Dewan Eja merupakan penyemak ejaan bukan hanya berintegrasi dengan MS Office 2007 malah versi-versi sebelumnya. Ia dapat menyemak ejaan secara automatik dengan menggariskan kesilapan ejaan dan memberikan cadangan bagi pembetulan.



Juzt-Reboot Data Recovery Card

Oleh: jamaln@utem.edu.my

Adakah anda pernah menghadapi masalah membuat instalasi perisian berulang kali atau anda menjadi begitu kreatif dengan mengubah suai *setup* sistem anda kerana merasakan password BIOS sedia ada tidak mencukupi untuk melindungi segala data di dalam komputer anda sehinggakan sistem anda menjadi *unbootable*.

Juzt-Reboot® adalah penyelesaian generasi baru dalam penyelenggaraan membaik pulih sistem komputer. Jualan pasaran setakat ini meliputi sehingga 37 buah negara di seluruh dunia bertujuan untuk membantu dalam bidang akademik, perniagaan mahupun penggunaan komputer peribadi di rumah. Produk Juzt-Reboot® sememangnya membantu dari segi melindungi data dan membaik pulih sistem komputer anda.

Walaupun anda menghadapi masalah-masalah yang menyebabkan kehilangan data atau kerosakan sistem komputer sama ada disebabkan oleh serangan virus, proses format, pengubahsuaian sistem, perisian korup dan banyak lagi, Juzt-Reboot® dengan segera membaik pulih dan menyelesaikan masalah anda dengan hanya menekan suis atau *restart button*. Tiada operasi tambahan diperlukan. Ianya amat mudah dan senang dilakukan.

Juzt-Reboot® boleh digunakan dalam persekitaran yang memerlukan penggunaan komputer sama ada di rumah, pejabat, institusi-institusi pengajian dan di jabatan-jabatan kerajaan. Anda tidak perlu risau lagi sekiranya komputer anda mempunyai atau tidak mempunyai perisian anti-virus. Juzt-Reboot® pasti membantu dan tidak akan menghancurkan anda!

BELAJAR PANTAS, BEKERJA PINTAR *dengan* DEWAN EJA PRO

Oleh: noorazlina@utem.edu.my

KOMPONEN DAN KELEBIHAN DEWAN EJA

- 1 Penyemak ejaan** menunjukkan kesilapan ejaan dan memberikan cadangan untuk pembetulan.



- 2 Auto Baiki** membetulkan kesilapan-kesilapan lazim secara automatik di dalam MS Office. Auto Baiki membetulkan secara automatik lebih daripada 1,000 jenis kesilapan ejaan yang lazim dijumpai. Misalnya, “keretapi” kepada “kereta api”, “usahasama” kepada “usaha sama” dan sebagainya.

- 3 Tesaurus** mencadangkan perkataan-perkataan dengan maksud serupa bagi perkataan terpilih. Fungsi *tesaurus* adalah berdasarkan Tesaurus Umum Bahasa Melayu. Ia dapat memberikan makna sinonim bagi perkataan yang dicari. Taip sahaja sebarang istilah baru, beberapa opsyen akan dipaparkan.

- 4 Logik penyemakan yang lebih maju.** Teknologi “Fractional Analysis” menyelesaikan banyak masalah imbuhan. Ia dapat memberi cadangan pembetulan yang tepat bagi penggunaan akhiran “kan” dan “i”. Ciri ini amat membantu penulis yang sering kali keliru penggunaan imbuhan seperti memenuhi / memenuhkan.

- 5 Integrasi lengkap** dengan MS Office 97/2000/XP/2003.

- 6 Teknologi “Just Highlight”** serlahkan sebarang perkataan dalam aplikasi Windows untuk mencari maklumat yang berkaitan dan kaya dengan informasi.

- 7 Kamus yang paling autoritatif.** Terdiri daripada kamus-kamus terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang terkini termasuk Kamus Dewan Edisi Keempat, Kamus Inggeris Melayu Dewan dan Daftar Istilah.

- 8 Ensiklopedia percuma** disertakan dalam Bahasa Inggeris. Pencarian istilah boleh dibuat untuk dwibahasa berserta contoh ayat.

- 9 Kandungan yang kaya.** Ia berasaskan Kamus Dewan edisi terkini, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

SHORTFORM KEYBOARD - PART 2

- F1 key** (Display Help)
- F4 key** (Display the items in the active list)
- F5 key** (Update the active window)
- F10 key** (Activate the menu bar in the active program)
- ENTER** (Perform the command for the active option or button)
- LEFT ARROW** (Open the next menu to the left, or close a submenu)
- BACKSPACE** (View the folder one level up in My Computer or Windows Explorer)
- ESC** (Cancel the current task)
- SHIFT** when you insert a CD-ROM into the CD-ROM drive (Prevent the CD-ROM from automatically playing)

Windows Logo
Windows Logo+BREAK

Windows Logo+D
Windows Logo+M
Windows Logo+SHIFT+M

Windows Logo+E
Windows Logo+F
CTRL+Windows Logo+F

Windows Logo+F1
Windows Logo+ L
Windows Logo+R

Windows Logo+U

- (Display or hide the Start menu)
- (Display the System Properties dialog box)
- (Display the desktop)
- (Minimize all of the windows)
- (Restore the minimized windows)
- (Open My Computer)
- (Search for a file or a folder)
- (Search for computers)
- (Display Windows Help)
- (Lock the keyboard)
- (Open the Run dialog box)
- (Open Utility Manager)

MENARIK SEPANJANG TAHUN

Majlis

PEMBENTANGAN PELAKSANAAN DAN SOFT LAUNCH CCTV ON IP


Majlis ringkas ini telah berlangsung pada 22 Februari 2011 iaitu seminggu selepas Majlis Menandatangani MOA Bersama TM diadakan. Taklimat telah disampaikan oleh Pengarah Pusat Komputer yang dihadiri Naib Canselor dan Pegawai Kanan UTeM. Turut hadir, Ahli Lembaga Pengarah Syarikat pembekal CCTV Tech Inovasi Sdn Bhd Tan Sri Datuk Amar Aziz bin Husein dan Pengarah Urusan Dato' Teo Tien Hiong.

UTeM telah dilengkapi dengan Kamera Litar Tertutup (CCTV) sepenuhnya pada penghujung tahun 2010. UTeM berasa ia merupakan satu pelaburan yang tepat bagi memastikan keselamatan warga UTeM terjamin selain bangunan dan aset kampus.



"Pemasangan CCTV ini merupakan salah satu tarikan kepada bakal pelajar yang akan belajar di UTeM yang mengutamakan ciri-ciri keselamatan selain menyediakan kemudahan ICT terkini untuk mereka seperti Wifi, e-learning dan lecture on demand. Justeru itu, pelajar UTeM boleh menumpukan perhatian kepada pelajaran mereka." - Pengarah Pusat Komputer

Tambahnya lagi, kamera yang dipasang sebanyak 128 buah di ketiga-tiga kampus ini. CCTV ini menggunakan teknologi termoden iaitu (IP Camera) dan sedia ada (20bps network backbone dan Metro-E) di mana merupakan ITPA pertama di Malaysia yang menggunakan kemudahan seumpamanya.



Tidak seperti CCTV konvensional, teknologi ini berupaya diakses sama ada di bilik kawalan ataupun menggunakan web browser melalui Internet dan Intranet. Manakala Alert System akan menggera serta-merta di bilik kawalan jika berlaku sebarang pencerobohan. Selain itu, saiz simpanan rakaman dapat dijimatkan hingga 50% berbanding sistem CCTV konvensional (Rakaman Pintar). Ia juga amat mesra pengguna dan cekap menganalisis objek dan pergerakan.

ICT dilihat sebagai salah satu agenda kritikal dalam rancangan pembangunan di UTeM. Ia bukan lagi merupakan keperluan sebaliknya telah bertukar menjadi antara kehendak utama dalam penyediaan infrastruktur bagi penubuhan pusat pengajian tinggi buat masa kini. Ini kerana dengan perkembangan teknologi yang terlalu pantas saban hari, menyebabkan kita akan jauh ketinggalan jika tidak menggunakan sepenuhnya. Pada majlis tersebut, Naib Canselor dan tetamu lain di bawa melawat ke Bilik Kawalan Operasi CCTV Berpusat Sementara melihat bagaimana CCTV tersebut beroperasi.

KERJASAMA UTeM - TM NAIKTARAF SISTEM KOMUNIKASI ANTARA KAMPUS MELALUI METRO-E



UTeM telah mengadakan Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian dengan Rakan Industri Telekom Malaysia Berhad pada 16 Februari 2011 di Auditorium UTeM. Pada majlis tersebut, UTeM diwakili oleh Naib Canselor, Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, manakala TM diwakili oleh En. Hamdan bin Ismail, Naib Presiden Jualan Segmen Kerajaan (HQ) TM.

UTeM merupakan antara klien terbesar TM di Negeri Melaka dan amat mengukuhkan lagi kerjasama yang telah sedia ada terjalin antara kedua-dua pihak melalui kepakaran teknikal, konsultasi telekomunikasi dalam menyediakan perkhidmatan Metro Ethernet (Metro-E) dan Internet kepada UTeM.

Melalui perjanjian bersama ini, TM bersetuju menyediakan perkhidmatan rangkaian tanpa wayar di kesemua 8 buah kolej kediaman pelajar UTeM. Rangkaian Metro-E menawarkan saluran komunikasi yang lebih efektif dan cekap, seterusnya bantu meningkatkan produktiviti dan kecekapan operasi. Kebanyakan sistem yang dibangunkan adalah beroperasi secara atas talian.

TM membantu dalam penyediaan rangkaian untuk menghubungkan sistem-sistem ini di ketiga-tiga kampus UTeM iaitu di Kampus Induk, Kampus Bandar dan Fasa B Ayer Keroh dan dalam masa yang sama TM sentiasa memastikan sistem-sistem tersebut beroperasi dengan lancar. Dengan penggunaan teknologi Metro-E, UTeM juga boleh menaik taraf skala lebar jalur dengan peningkatan keperluan.

Rangkaian Metro-E adalah rangkaian berpusat mutakhir, kerana ia memberikan pengguna jaminan pelaburan masa depan yang sesuai untuk aplikasi masa depan, menjadikannya teknologi termaju tanpa sempadan. Infrastruktur rangkaian yang sama juga berupaya untuk dinaiktaraf bagi membekalkan keperluan kapasiti yang meningkat mengikut keperluan semasa tanpa pelaburan tambahan kepada perkakasan, menjadikannya alternatif yang menarik untuk mana-mana organisasi yang memerlukan perhubungan berkelajuan tinggi yang mantap dan selamat.



FAKTA PENTING MOA

TM bersetuju mengintegrasikan ketiga-tiga kampus UTeM secara dalaman melalui perkhidmatan metro-ethernet.

TM bersetuju menyediakan capaian Internet dengan kapasiti 78Mbps dan capaian Intranet dengan kapasiti 57Mbps.

TM bersetuju menyediakan perkhidmatan tambahan seperti Load Balancer dan Internet Access Manager untuk kemudahan UTeM bagi menguruskan penggunaan Internet secara optimum.

TM juga menyediakan Internet tanpa wayar (wireless) dengan kapasiti 74Mbps pada kadar 15Kbps bagi setiap pelajar untuk penggunaan di kesemua 8 buah kolej kediaman pelajar.

TM menyediakan Network Operation Centre / Pusat Operasi Rangkaian bagi memantau dan menguruskan perkhidmatan Internet dan wireless kolej kediaman jika terdapat sebarang kerosakan atau masalah teknikal

PINTAR MISI DAN VISI UTeM JELAS

Program latihan jati diri selama tiga hari dua malam di Permaisuri Resort Port Dickson telah memberi satu pemahaman mendalam kepada staf PK tentang matlamat visi dan misi universiti yang perlu diadaptasikan oleh setiap warga universiti dalam aktiviti harian di pejabat khususnya di PK. Sepanjang program ini beberapa sesi perbincangan kumpulan, aktiviti luar kelas dan kerohanian dilaksanakan dengan lebih santai memudahkan peserta *absorb* mesej yang ingin disampaikan. Setiap pengisian mempunyai objektif tertentu.

Pendekatan yang diambil adalah lebih terbuka di mana setiap peserta diberi kebebasan mengeluarkan pendapat sewaktu mengupas isu yang diutarakan oleh moderator. Kematangan berfikir dapat dinilai melalui cara mengeksplorasikan kes studi. Perbezaan pendapat kemudiannya dirumuskan secara mendalam untuk mencapai matlamat setiap aktiviti yang diadakan.

Kebijaksanaan moderator mengawal setiap situasi berjaya meneutralkan keadaan yang kadang kalanya tegang oleh perbezaan prinsip antara kumpulan. Tiada istilah salah dalam menyuarakan pendapat, sebaliknya setiap dinilai dari pelbagai sudut positif dan negatif agar satu konsensus yang jitu dapat dimeterai melalui kaedah *win win situation* semua pihak.



Slot kerohanian lebih menumpukan kepada akhlak sesama manusia dalam perhubungan harian di pejabat dan juga aspek kesederhanaan (*wasathiah*) dalam segala hal harian, menepati masa, disiplin yang mana semuanya merupakan prinsip asas dalam Islam untuk menjadi staf yang cemerlang di dunia dan akhirat.

Aktiviti berakit menguji kekuatan mental dan fizikal setiap peserta dalam berhadapan situasi genting dan kecemasan. Kerjasama yang tinggi setiap peserta dalam kumpulan amat penting. Ia dapat dinilai menerusi cara pembuatan rakit, penguasaan sepanjang laluan berakit dan kepantasan tiba di daratan.



Kepantasan kumpulan yang tiba tidak bergantung kepada kapasiti rakit, sebaliknya komitmen sepanjang aktiviti berlangsung menyumbang kepada kejayaan sesuatu pasukan yang jelas menunjukkan kerjasama dari semangat setia kawan dalam menyelesaikan pelbagai masalah sepanjang dua jam aktiviti berjalan.

Sesi *post mortem* telah diadakan sekembali ke pejabat bagi menilai kembali *output* yang telah dibentangkan. Sesi ini memantapkan lagi rumusan yang telah dibuat pada hari terakhir program mengikut kedudukan semasa PK selaras dengan kehendak acuan UTeM. Berikutan daripada slot *visioning*, beberapa projek KIK akan menjadi eksperimen di PK untuk memperkasakan inovasi teknologi dalam bidang pengurusan dan operasi. Projek pintar ini melibatkan beberapa buah kumpulan mengikut kepakaran bidang masing-masing.





PK SOKONG KEMPEN UTeM BEBAS ASAP ROKOK 2011

Penyerahan skrol UTeM Bebas Asap Rokok telah disampaikan oleh Majlis Perwakilan Pelajar kepada wakil penerima dari Pusat Komputer iaitu Puan Norhazlena binti Sabtu (Timbalan Pengarah Infostruktur) sebagai simbolik kepada Majlis Pelancaran Program UTeM Bebas Asap Rokok 2011 pada 12 April yang lalu. Acara penyerahan diadakan serba ringkas di perkarangan ruang legar pejabat disaksikan beberapa orang Pegawai Kanin PK dan staf-staf lain.

Ia merupakan salah satu sokongan yang diberikan oleh PK ke arah merealisasikan matlamat kempen yang dilaksanakan. Semasa penyerahan berlangsung, Puan. Norhazlena staf-staf di PK juga menyambut baik kempen yang dianjurkan. Setakat ini, jarang sekali kelihatan staf PK menghisap rokok di tempat-tempat awam. Segelintir yang merokok lebih berdisiplin dan hanya merokok di tempat-tempat yang "tersembunyi" bagi menghormati rakan-rakan lain.


Kempen ini seharusnya berterusan sepanjang tahun, lebih-lebih lagi pengambilan pelajar baru semakin hampir. Adalah menjadi tanggungjawab semua staf dan pelajar senior menunjukkan teladan yang baik kepada adik-adik yang baru masuk ke UTeM untuk memerangi rokok sejak muda lagi. Dengan cara ini, warga UTeM menjalani aktiviti harian dengan suasana sihat dan ceria. Selain PK, skrol tersebut juga diserahkan kepada PTJ lain di Kampus Induk UTeM pada hari yang sama.



Oleh: aida@utem.edu.my



PELAJAR SMK DURIAN TUNGGAL IKUTI KURSUS ADOBE PHOTOSHOP PERCUMA



PK berbesar hati menerima seramai 39 orang pelajar SMK Durian Tunggal selama dua hari menghadiri Kursus Kemahiran Asas Adobe Photoshop yang diadakan pada 22 dan 23 Mac 2011. Kursus diberikan secara percuma kepada sekolah sekitar negeri Melaka yang merupakan salah satu program khidmat masyarakat PK.

Peserta diajar sama seperti peserta dewasa menghadiri kursus, mereka turut menerima sijil penyertaan dan modul kursus. Keperluan pengetahuan, tren dan minat golongan remaja masa ini lebih kepada aplikasi grafik dan multimedia.

Kebanyakan mereka pada zaman kanak-kanak lagi sudah mahir menggunakan aplikasi MS Office. Justeru itu, PK berasakan Adobe Photoshop perlu diperluaskan penggunaannya kepada remaja.

Adobe Photoshop merupakan salah satu perisian dalam mereka bentuk grafik web dan multimedia dengan lebih kreatif dalam mereka bentuk poster, logo, banner dan mengaplikasikan kreativiti mereka melalui persembahan multimedia. Pada akhir kursus, peserta berjaya menghasilkan imej-imej yang menarik dengan menggunakan tools yang terdapat di dalam Adobe Photoshop.

Antara lain program khidmat masyarakat yang dianjurkan adalah Kem ICT untuk pelajar sekolah dan penggunaan komputer untuk anak-anak staf sepanjang musim cuti sekolah.





22 Februari yang lalu menyaksikan sekali lagi trek balapan UTeM dikuasai atlet PK yang menyapu bersih kesemua pingat iaitu sembilan emas, dan lima perak daripada keseluruhan 13 acara yang dipertandingkan. Lebih membanggakan tahun ini dua atlet telah dinobatkan sebagai olahragawan dan olahragawati 2011.

Gelaran kali kedua untuk Mohamed Suhaimi bin Omar, Juruteknik Komputer dan buat pertama kali bagi Nuraini binti Zakariah. Gelaran ini memberi batu loncatan kepada kedua-dua atlet untuk bergiat lebih aktif dalam bidang ini di peringkat lebih tinggi lagi.

PK SAPU BERSIH GELANGGANG OLAHRAGA SAJ

Kejuaraan ini sedikit sebanyak didorong daripada sokongan rakan-rakan sekerja yang hadir pada kejohanan tersebut selain sesi latihan intensif yang diadakan sepanjang tahun sama ada secara peribadi mahupun berkumpulan yang dianjurkan oleh K-SCOM. Seperti tahun sebelumnya, kali ini PK juga digandingkan dengan PTJ lain iaitu PPP, PPS dan PJKA. Semangat kesukanan PK memang telah lama bertapak. Setiap bulan aktiviti riadah dijalankan bagi meningkatkan stamina selain untuk meringankan stres bekerja di pejabat.

Berikut adalah keputusan rasmi Kejohanan Olahraga Sukan Antara Jabatan 2011 UTeM:

Bil	Nama Peserta	Acara	Emas	Perak	Gangsa
1	Khairin bin Abdullah	1500M (L)		1	
2	Suhaimi bin Omar	Lompat Jauh (L)	1		
3	Syamimah binti Mohamad Hata	Lempar Cakera (W)		1	
4	Dr. Tay Choo Chuan	400M Veteran		1	
5	Dr. Tay Choo Chuan	800M Veteran	1		
6	Nuraini binti Zakariah	100M(W)	1		
7	Nuraini binti Zakariah	200M (W)	1		
8	Honey Amalina binti Luqman Ul-Hakim Ng	200M (W)		1	
9	Suhaimi bin Omar	200M (L)	1		
10	Norazlinda binti Ibrahim	400M(W)	1		
11	Norazlinda binti Ibrahim	800M(W)	1		
12	Jalaludin bin Mohd Diah	800M (L) Senior		1	
13	Suhaimi bin Omar Mohd Nizam bin Bidin Mohd Nizam bin Hassan Dr. Tay Choo Chuan	4X100M (L)	1		
14	Norazlinda binti Ibrahim Nuraini binti Zakariah Rizhatul Emma binti Taib Norliza binti Baba	4X100M (W)	1		
Jumlah Keseluruhan Pingat			9	5	





JUARA BERGANDA BUAT PUSAT KOMPUTER OLAHRAGAWAN & OLAHRAGAWATI LAYAK

Buat kali kedua PK menjuarai acara trek. Kali ini lebih menyerlah penampilan atlet-atlet padang setelah diisytiharkan penerima olahragawan dan olahragawati sesi 2011. Tidak semudah itu, menurut kedua-dua atlet ini, usaha gigih dan persediaan rapi menjelang kejohanan dilakukan sejak tahun 2010.

Latihan yang konsisten dan diet pemakanan seimbang faktor penyumbang kejayaan yang diraih. Tidak hanya untuk menang, PK amat prihatin aspek kecergasan fizikal dan mental staf. Justeru, aktiviti riadah dan sukan menjadi rutin bulanan di hujung minggu mahupun selepas waktu pejabat.

Penganjur tidak mengalami kesukaran menentukan olahragawan, namun pemilihan olahragawati sedikit sukar kerana Nuraini dikejar tipis rakan sepejabat, Norazlinda binti Ibrahim yang turut beraksi cemerlang di trek yang sama. Norazlinda turut menyumbang 3 emas pada tahun ini. Akur dengan keputusan penganjur, Norazlinda berazam meneruskan cabaran pada tahun hadapan.

Kejayaan yang diraih menyuntik semangat kedua-dua atlet untuk mengembangkan kebolehan yang ada ke peringkat lebih tinggi. Apa yang pasti, kedua-duanya akan beraksi dalam beberapa kejohanan olahraga sepanjang 2011.

Tahun ini, PK menjadi juara berganda setelah dua anugerah diterima serentak di samping anugerah-anugerah berpasukan lain seperti pasukan wanita terbaik dengan kutipan empat pingat emas keseluruhan, serta johan keseluruhan olahraga untuk kejohanan tahun ini.

Kesemua atlet PK berhempas pulas di trek bagi menebus kekecewaan setelah kandas dalam perlawanan bola sepak pada peringkat suku akhir, gagal mempertahankan emas yang dirangkul pada tahun lalu.



Mohd Suhaimi bin Omar

OLAHRAGAWAN

Juruteknik Komputer (FT17)
Jabatan Servis & Penyelenggaraan
26 tahun, Bujang
Bukit Piatu, Melaka

Pencapaian 2011:

- 200 meter senior - emas
- 4x100 meter senior - emas
- Lompat Jauh senior - emas

Pencapaian 2010:

- 200 meter senior - emas
- 4x100 meter senior - emas



Nuraini binti Zakariah

OLAHRAGAWATI


Pen. Peg. Tek. Maklumat (F29)
Jabatan Pembangunan Sistem
26 tahun, Bujang
Muar, Johor

Pencapaian 2011:

- 100 meter wanita - emas
- 200 meter wanita - emas
- 4x100 meter wanita - emas

Pencapaian 2010:


- 4x100 meter wanita - emas





HUJAN TIDAK HALANG KEMERIAHAN HARI KELUARGA

Cuaca hujan sepanjang hari tidak menghalang Program Hari Keluarga K-SCOM pada 30 Januari 2011 yang lalu. Ia diadakan di Melaka Wonderland Theme Park & Resort yang dihadiri kira-kira 160 ahli keluarga Pusat Komputer. Banyak acara permainan dilakukan untuk kategori kanak-kanak, berpasangan dan dewasa. Antaranya adalah romantika 'd' apel, semakin jauh semakin sayang, kerusi muzikal, titian siratmustakim, tarik bola dalam gelung, ikat kaki berpasangan, isi air dalam botol dan lain-lain lagi.



Walaupun tidak berkesempatan meraikan di luar Melaka, kemeriahan tetap terasa kerana hampir semua staf berkesempatan hadir. Cuaca sejuk sepanjang hari sedikit pun tidak menjejaskan suasana, malah keceriaan terpampang kerana semua ahli pertukaran hadiah sesama ahli berdasarkan undian semasa pendaftaran. Penyampaian hadiah bagi juara rumah sukan tahun 2010 disampaikan oleh penaja K-SCOM sepanjang En. Mohd Isa bin Mohd Dom.



Program disudahi dengan jamuan makan tengah hari kira-kira jam 1.30 tengah hari. Aktiviti riadah bersama keluarga sememangnya sinonim dengan K-SCOM. "Hubungan sesama staf di luar pejabat juga erat ibarat penduduk yang menghuni sebuah kampung. Semua pasti terlibat apabila suatu acara atau majlis diadakan. Pembahagian tugas akan diadakan oleh ketua majlis."
- Hazril Abd Wahab, Pengerusi K-SCOM





Panggung MBO Melaka Mall penuh dikerumuni staf PK pada 23 Mac 2011 menyaksikan tayangan filem Hikayat Merong Mahawangsa. Aktiviti riadah ini dicetuskan oleh Pengarah sendiri yang bermurah hati membayar sepenuhnya harga tiket bagi staf yang hadir pada tayangan tersebut. Seramai 55 dari 68 staf hadir bertemakan retro telah memeriahkan panggung. Paling menarik, dua buah jam tangan berjenama Swatch menjadi rebutan pemenang pakaian mengikut tema bagi lelaki dan wanita. Tayangan bermula jam 8.30 malam dan berakhir 10.15 malam. Ia turut dihadiri oleh ahli keluarga staf.

Kejutan sebegini selalu dirancang secara tidak sengaja oleh Pengarah. Gathering sebeginilah yang membuatkan PK sentiasa "bersama" dalam apa jua keadaan. Tampil dengan jaket kulit hitam, kemeja kotak dan bertopi pada malam tersebut, En. Isa menyatakan dia percaya tidak semua masalah di pejabat boleh diselesaikan di pejabat. Justeru, kreativiti perlu ada untuk bermesra dan mengurangkan gap antara Pengarah dan staf-staf. Selain itu, kesibukan tugas harian di pejabat membuatkan kadang-kadang aktiviti sebegini perlu diadakan. Kata orang putih *for a change*. Semangat muhibah dan toleransi tidak pernah diketepikan dalam apa jua keadaan. Inilah antara rahsia yang telah lama En. Isa amalkan. Terharu dan beruntung mendapat bos yang *sporting*, di kalangan staf sendiri tidak pernah mengambil 'kesempatan' atas kemesraan yang ditunjukkan oleh Pengarah kerana ada masa kena juga menghadap.

Di sebalik kelembutan dan kebajikan yang ditonjolkan, ketegasan tetap ada. Jangan cakap tiada yang dapat surat tunjuk sebab, teguran mahupun tindakan. Semuanya untuk memberi pengajaran serta memperbaiki kesilapan dan bukan untuk menghukum semata-mata. Kejutan terbaru, setiap staf dikehendaki menceritakan dua peristiwa lucu atau lawak pada perhimpunan pagi Isnin secara bergilir-gilir. Aktiviti ala-ala program realiti Raja Lawak ini sekadar menceriakan awal minggu sebelum memulakan tugas. Cerita yang mendapat undian tertinggi akan dinobatkan sebagai Raja Lawak PK.

Idea kreatif Pengarah ini disambut baik oleh semua staf yang sememangnya mudah mendapat komitmen semua pihak. Antara program-program lain yang telah dijalankan sebelum ini adalah gotong-royong mengecat pejabat, pertandingan poster, debat ala parlimen, program ilmu, bacaan Yasin bulanan, sambutan hari lahir staf dan aktiviti riadah setiap bulan. Program-program sebegini tidak langsung mengganggu tugas harian malah ia berperanan dorongan dan motivasi kepada staf PK dalam kelicinan tugas mereka.

Tengok Wayang Dengan Bos HIKAYAT MERONG MAHAWANGSA

"Stres di pejabat sentiasa ada. Jika kita terlalu memikirkan stres tersebut, lama-lama kita akan 'depress'. Saya juga seronok lihat anak-anak buah saya bekerja dalam suasana yang ceria. Walaupun ada tekanan, sekali-sekala apa salahnya buat staf gembira".

- Pengarah Pusat Komputer -



Hari Keluarga Pusat Komputer UTeM Meriah

Oleh ROSLAN MOHAMAD

DURIAN TUNGGAL, 13 Feb - Pusat Komputer Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) merupakan salah sebuah Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang berperanan besar menyediakan perkhidmatan dan pengurusan melibatkan rangkaian komputer dalam operasi harian di seluruh UTeM.



Sebagai menghargai sumbangan kakitangan dan sebagai usaha mengeratkan

silaturrahim sesama rakan sekerja, pusat komputer telah mengadakan program Hari Keluarga di sebuah taman tema di sini, baru-baru ini.

Pengarah Pusat Komputer, Mohd Isa M Dom berkata, antara objektif program Hari Keluarga Pusat Komputer UTeM adalah sebagai satu platform bagi menger-

atkan hubungan yang sedia terjalin dan saling-mengenal antara sgtu sama lain melibatkan 65 staf bersama ahli keluarga masing-masing.

Sehubungan itu, dengan adanya aktiviti sebegini ianya secara tidak langsung menanam nilai-

nilai murni serta menyemarakkan lagi sikap saling mempercayai dan perkukuhkan lagi semangat kerja berpasukan yang tinggi demi meningkatkan lagi kualiti dan produktiviti pusat komputer kepada universiti ini.

Ternyata program

sebegini berjaya mewujudkan suasana harmonis di kalangan staf pusat komputer dan meningkatkan semangat setiakawan yang tinggi. Justeru itu, program sebegini akan diteruskan lagi sebagai agenda tahunan pada masa akan datang, ujar beliau.



Staf pusat komputer dan ahli keluarga yang hadir bergambar kenangan semasa program Hari Keluarga

UTeM terus mara mengorak langkah

DURIAN TUNGGAL - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus mengorak langkah mengukuhkan infrastruktur teknologi, maklumat dan komunikasi (ICT) melalui penggunaan rangkaian termodem serta berkapasiti tinggi Cisco yang berupaya menampung peningkatan keperluan pelajar dan staf universiti pada masa hadapan.

Pengarah Pusat Komputer UTeM, Mohd Isa M Dom berkata, UTeM kini bergegas kerana memiliki infrastruktur ICT yang paling canggih dan mampu memberi manfaat kepada hampir 8,000 pelajar menjalani aktiviti pembelajaran di kampus berkenaan.

"UTeM menggunakan kepakaran Cisco membangunkan infrastruktur yang mem-



Sistem rangkaian berteknologi tinggi memberi kelebihan kepada pelajar UTeM mengakses maklumat dengan lebih cepat dan meluas.

gan lebih mudah dan pantas. "Penggunaan aplikasi dalam talian dapat digunakan ke tahap maksimum dan infrastruktur ini juga dilihat dapat memacu aktiviti penyelidikan serta inovasi UTeM ke peringkat lebih tinggi," katanya.

Mohd Isa berkata, perkembangan itu selaras dengan hasrat universiti untuk menyediakan kemudahan terbaik kepada warganya terutama golongan pelajar yang didedahkan dengan corak pembelajaran secara maya.

"Perkembangan terbaru ini menjadikan UTeM antara organisasi di negara ini yang memiliki kemudahan rangkaian termodem dan secara tidak langsung menyumbang kepada pembangunan ICT di Melaka," katanya.

bolehkan rangkaian 20 gigabit (GB) digunakan bagi menyediakan kemudahan ICT yang lebih dinamik dan efektif, selain penggunaan Internet tanpa wayar (Wifi) meliputi hampir keseluruhan kampus induk," katanya.

Menurutnya, melalui penyediaan rangkaian 20GB dan kemudahan Wi-Fi di seluruh kampus induk, pelajar serta staf menikmati kemudahan serta capaian ke Internet den-

Semarakkan sikap saling mempercayai kakitangan

DURIAN TUNGGAL - Bagi menghargai sumbangan kakitangan dan mengeratkan hubungan sesama rakan sekerja, Hari Keluarga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengadakan

Hari Keluarga Pusat Komputer di sebuah taman tema, dekat sini.

Pengarah Pusat Komputer, Isa Mohd Dom berkata, Hari Keluarga itu adalah salah satu platform untuk mengeratkan

hubungan yang sedia terjalin.

Menurutnya, Hari Keluarga itu disertai oleh 65 kakitangan yang masing-masing membawa keluarga.

"Hari Keluarga ini secara ti-

dak langsung dapat menanam nilai-nilai murni dan menyemarakkan lagi sikap saling mempercayai antara kakitangan.

"Di tempat kerja sudah pasti bekerja dengan bersemangat



Kakitangan pusat komputer dan ahli keluarga yang hadir bergambar kenangan sejurus tamat Hari Keluarga itu.



KEJOHANAN GOLF PIALA CANSelor UTeM



Yang Dipertua Negeri, Tun Mohd, Khairul Khairi, turut serta dalam kejohanan golf Piala Canselor UTeM ini.

BARU-BARU ini Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) telah menganjurkan Kejohanan Golf Piala Canselor bersempena sambutan 10 tahun penubuhan universiti tersebut.

Kejohanan itu diadakan di Kelab Golf Orna & Country, Ayer Keroh. Lajungan golf Orna memang agak terkenal

dengan kesukarannya terutama permukaan greennya.

Penolong Pendaftar Bahagian Perhubungan Awam & Media Pejabat Perancangan & Komunikasi Kororat UTeM, Mohd. Khairulhusaini Mohd. Saad berkata, kejohanan itu diadakan bertujuan menghargai jasa dan sumbangan pelbagai pihak termasuk media sepanjang

10 tahun penubuhan universiti itu.

Penyertaan terdiri daripada pelbagai sektor kerajaan, korporat, individu dan media. Seramai 40 warga media dari media cetak dan elektronik untuk memertihkannya lagi. Di samping itu, Di samping dapat memperkukuhkan lagi jalinan kerjasama yang telah sekian lama terjalin dengan UTeM.

Computer Centre Director, Isa Mohd. Dom said the family day is aimed to serve as a platform to further enhance the close link among staff members.

In all, he said, more

A Fun-filled Family Day

MELAKA CITY - It was a day of fun and laughter at Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Computer Centre family day recently.

Held at a popular theme park here, the family day was aimed at fostering greater ties and enhancing relation among its staff members.

This is also aimed at giving the staff the much needed recreational opportunity in order to boost their performance.

Computer Centre Director, Isa Mohd. Dom said the family day is aimed to serve as a platform to further enhance the close link among staff members.

In all, he said, more



Staff and their families posing for a photograph.

that will further enhance their team spirit which will go a long way to increase the quality and productivity at the Computer Centre, he added.

The one-day programme was filled with numerous fun activities to involve all those present, including children.

It is clear that a programme like this will help in enhancing the harmonious working environment among workers and at the same time, contributing to enhancing their contributions to the university.

"An activity like this will help in fostering good values among the staff apart from enhancing their trust in each other. It is also hoped that

TM bekal rangkaian internet di UTeM

Oleh Nurhasyima Hasim
nurhasyima@shah.com.my

TELEKOM Malaysia Berhad (TM) menandatangani memorandum perjanjian (MoA) dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), baru-baru ini, bagi persediaan menyediakan rangkaian perkhidmatan alas talian yang akan memudahkan komunikasi antara warga kampus universiti itu.

Nah! Presiden Jualan Segmen Kerajaan TM, Hamdan Ismail, berkata penyediaan rangkaian terbahagi meliputi Kiri, Metro-ethernet (Metro-e) tiga-tiga kampus UTeM dan di lapak kolej kediaman pelajar.

"TM bersetuju menyediakan capaian Internet dengan kapasiti 78 megabit sesaat (Mbps) dan capaian intranet 57 Mbps, selain menyediakan perkhidmatan tambahan meliputi Load Balancer dan Internet Access Manager bagi menguruskan

penggunaan Internet secara optimum.


"Rangkaian Internet tanpa wayar dengan kapasiti 74Mbps pada kadar 15 kilobit sesaat (kbps) juga diberikan bagi setiap pelajar untuk penggunaan di semua kolej kediaman media selepas menandatangani MoA berkenaan di Kampus Induk UTeM di Dunian Tunggal, Melaka.

Pada sesi menandatangani perjanjian itu, UTeM diwakili Nabil Canselor, Prof Datuk Dr Ahmad Yusoff Hassan manakala Hamdan mewakili TM dengan disaksikan Pengarah Pusat Komputer UTeM, Mohd Isa Mohd Melaka, Rozlan Mohamed, Hamdan dan UTeM. UTeM menawarkan IPTA pertama di Melaka yang memeterai perjanjian kerjasama TM bagi perkhidmatan Metro-e.

"Perkhidmatan Metro-e ialah rangkaian berpusat mutakhir untuk mana-mana organisasi yang memerlukan perhubungan berkelajuan tinggi yang mantap dan selamat selain ciptanya yang kos efektif serta fleksibiliti," katanya.

Ahmad Yusoff berkata, semua teknologi yang disediakan TM ini bukan saja memberi manfaat kepada 1,200 kakitangan UTeM, malah mampu menarik perhatian bakal pelajar yang ingin memilih UTeM sebagai tempat pengajian mereka.

"Kecekapan pengurusan pentadbiran sebuah organisasi adalah kritikal kerana bakal memberi impak terhadap keberkesanan keseluruhan pentadbiran. Perkhidmatan pengurusan pentadbiran elektronik yang ditawarkan TM dijangka mampu meningkatkan kecekapan UTeM bukan saja dalam sistem pengajaran dan pembelajaran, malah memenuhi tuntutan gaya hidup pelajar dan kakitangan yang sentiasa bergerak," katanya.



Ahmad Yusoff (dua dari kiri) bersama Hamdan (tiga dari kiri) pada majlis memorandum perjanjian antara UTeM dengan TM, baru-baru ini.